PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

ISNIN: 7 JULAI 2008

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek jwp kem.08

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 3, 7, 17 HINGGA 98)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1, 2, 4 HINGGA 6
8 HINGGA 16

SOALAN NO: 42 DIJAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO: 4
[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN: ~~18~~ 3

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK IR. EDMUND
CHONG KET WAH
[BATU SAPI]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN :

DATUK IR. EDMUND CHONG KET WAH [BATU SAPI] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILAKAH KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SABAH DI KOTA KINABALU YANG DIBINA

DENGAN MUTU KERJA YANG TIDAK BERMUTU AKAN DIPERBETULKAN KEMBALI SUPAYA TIDAK MEMBAHAYAKAN KAKITANGAN YANG BEKERJA DI SITU DAN JUGA ORANG AWAM.

JAWAPAN :-

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN SABAH DILAKSANAKAN SECARA RUNDINGAN TERUS (REKA & BINA) YANG MEMPUNYAI 5 BLOK BANGUNAN UTAMA IAITU 3 BLOK PENTADBIRAN IAITU A,B DAN C, DEWAN SERBAGUNA DAN SURAU. KOS BAGI PROJEK INI IALAH SEBANYAK RM330 JUTA DAN DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR PANJI KEAGUNGAN BERHAD. PEMBINAAN PROJEK INI TELAH DIMULAKAN PADA 7 OKTOBER 2002 DAN SIAP PADA 27 FEBRUARI 2007. BANGUNAN INI TELAH DISERAHKAN KEPADA SETIAUSAHA PERSEKUTUAN SABAH PADA 1 OGOS 2007. TARIKH *DEFECTS*

LIABILITY PERIOD (DLP) ADALAH SELAMA 24 BULAN SEHINGGA 30 JUN 2009.

KERJA-KERJA PEMBAIKAN ADALAH MELIBATKAN PENUKARAN *WALL TILES* KEPADA *ALUMINIUM COMPOSIT PANEL* (*METAL CLADDING*) BAGI KEMASAN DINDING LUAR BANGUNAN UNTUK BLOK PENTADBIRAN. INI ADALAH DISEBABKAN *TILES* SEBERAT 7 KG SETIAP SATU TIDAK DAPAT MELEKAT DENGAN BAIK PADA MORTAR DAN FAKTOR CUACA YANG TIDAK MENENTU MENYUMBANG KEPADA PERKARA INI BERLAKU. KERJA-KERJA PEMASANGAN *METAL CLADDING* BAGI BLOK C TELAH SIAP SEPENUHNYA PADA 21 MEI 2008. KERJA-KERJA PEMASANGAN *METAL CLADDING* BAGI BLOK A DAN B PULA SEDANG GIAT DIJALANKAN DAN DIJANGKA AKAN DAPAT

DISIAPKAN SEPENUHNYA PADA 31 OKTOBER 2008.

KERJA-KERJA PEMBAIKAN YANG TELAH SIAP SEPENUHNYA ADALAH KERJA MERATAKAN DAN MENANAM RUMPUT DI BAHU JALAN YANG SIAP PADA 31 MEI 2008. BAGI KEMUDAHAN SUKAN DI DALAM BANGUNAN SEPERTI GELANGGANG BADMINTON, BOLA KERANJANG, BOLA JARING, SQUASH, GYMNASIUM DAN BILIK PERSALINAN TELAH DISIAPKAN PADA 15 MEI 2008. SELAIN ITU, KEMUDAHAN SUKAN DI LUAR BANGUNAN SEPERTI GELANGGANG TAKRAW, BOLA TAMPAR DAN TENIS TELAH SIAP SEPENUHNYA PADA 5 MEI 2008.

DALAM MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN , ASPEK-ASPEK KESELAMATAN DIAMBIL KIRA OLEH PIHAK KONTRAKTOR

UNTUK MENGELAKKAN SEBARANG KEMALANGAN DENGAN MEMASANG PAPAN TANDA AMARAN, *CATCHMENT PLATFORM* SERTA MELETAKKAN PENGHADANG DI KAWASAN TAPAK UNTUK KESELAMATAN KAKITANGAN YANG BEKERJA DI SITU DAN JUGA ORANG AWAM YANG MELALUI KAWASAN BANGUNAN. KERJA-KERJA PEMBAIKAN TIDAK MELIBATKAN PERUNTUKAN TAMBAHAN DAN DITANGGUNG SEPENUHNYA OLEH PIHAK KONTRAKTOR. KERJA-KERJA PEMBAIKAN BAGI KESELURUHAN BANGUNAN DIJANGKA AKAN DAPAT DISIAPKAN PADA 31 OKTOBER 2008.

NO SOALAN: 7

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN:

Datuk Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dasar penetapan laluan kapal yang khusus untuk memasuki perairan pantai timur negeri Sabah yang diumumkan oleh Kerajaan beberapa tahuan lalu bagi mengawal kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendatang asing tanpa izin ke Sabah.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Laluan Ditetapkan *(designated route)* bagi bot-bot dagang dan penumpang dari Filipina dan Indonesia yang memasuki perairan negeri Sabah mula diperkenalkan dan dikuatkuasakan pada 1 April 2002. Pelaksanaan Laluan Ditetapkan ini bertujuan untuk mengawal kegiatan penyeludupan dan kemasukan pendatang tanpa izin ke negeri Sabah. Melalui Laluan Ditetapkan ini, setiap vessel tukar barang *(barter trade)* dari Filipina dan Indonesia yang membawa karga dan penumpang menuju ke Pelabuhan Wilayah Persekutuan Labuan, Kota Kinabalu, Kudat, Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau dikehendaki menggunakan koordinat Laluan Ditetapkan.

Jabatan Laut Sabah pada 11 Mac 2002 telah mengeluarkan Notis Perkapalan Saudagar *(Merchant Shipping Notice)* kepada Nakhoda dan pelaut vessel-vessel tukar barang dan semua pihak berhubung pelaksanaan Laluan Ditetapkan ini.

Laluan Ditetapkan ini masih berkuatkuasa dan semua vessel tukar barang dari Filipina dan Indonesia yang membawa kargo dan penumpang perlu menggunakan koordinat yang telah ditetapkan dan Agensi Penguatkuasa Maritim Negara seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pasukan Polis Marin dan Jabatan Laut

Sabah sentiasa melaksanakan pemeriksaan ke atas vessel-vessel tersebut bagi menbendung aktiviti-aktiviti penyeludupan dan kegiatan ayng menyalahi undang-undang negara.

Sekian, terima kasih.

Soalan: 17

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ABDUL RAHMAN BAKRI (SABAK BERNAM)**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008 (SELASA)**
SOALAN	:	**TUAN ABDUL RAHMAN BAKRI** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan kenaikan harga barangan berasaskan pertanian sekarang ini , adakah kerajaan menjalankan usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan petani-petani dengan menaikkan harga siling hasil pertanian seperti harga padi dan kelapa dan adakah ini dapat membantu petani meningkatkan pendapatan mereka.

JAWAPAN

Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan pesawah amnya dan pesawah padi khususnya, Kerajaan pada 13 Mei 2008 telah bersetuju supaya harga minimum terjamin (GMP) pembelian padi ditetapkan pada kadar baru iaitu pada RM750/MT padi bersih dan kering yang dijual di kilang. Penetapan kadar baru berbanding harga GMP pembelian padi sebelum ini iaitu pada RM

650/MT padi bersih dan kering adalah bertujuan agar pesawah menikmati faedah daripada kenaikan harga beras di pasaran global pada masa ini.

Bagi menangani isu harga dan bekalan beras dalam negara, Kerajaan telah menetapkan harga gred beras yang dikawal iaitu pada harga di antara RM1.65/kg hingga RM1.80/kg di peringkat runcit mengikut zon di Semenanjung dan beras ini dikeluarkan dalam pek 10 kilogram dan harga siling beras Super Special Tempatan 5% ditetapkan pada RM2.80 sekilogram dan beras Super Special Tempatan 10% pada RM2.70 sekilogram berkuatkuasa pada 1 Jun 2008.

SOALAN : 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NORAH BT ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN :

minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) senarai projek yang telah dirancang bagi Negeri Sarawak bagi tahun 2002-2007 tetapi kemudiannya dibatalkan atau ditangguhkan ; dan
(b) jika ada; nyatakan sebab-sebabnya

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa ;

(a) Terdapat 62 projek yang dibatalkan sepanjang 2002-2007.

(b) Sebab pembatalan adalah kerana peruntukan untuk projek berkenaan tidak mencukupi dengan siling peruntukan yang telah ditetapkan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN NO:19

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]

TARIKH : 7 Julai 2008 (Isnin)

SOALAN : 19

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk memposisi lapangan-lapangan terbang kita terutamanya KIA menjelang 2015 di mana keseluruhan ASEAN akan mengamalkan konsep angkasa terbuka, dalam usaha kita untuk terus memajukan sektor pelancongan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kapit, Kementerian sememangnya memberi perhatian dalam usaha meningkatkan keupayaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Dalam hubungan ini, beberapa fasa Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching telah dan sedang dilaksanakan. Selain daripada pembinaan Terminal Baru, di bawah RMke-9 Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching diteruskan dengan meliputi Kerja-Kerja Pemanjangan Landasan, Pembinaan Kompleks Kargo dan Pengalihan Galangan.

Dengan siapnya projek tersebut akan membolehkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching akan membolehkan pesawat yang lebih besar iaitu Boeing B747-400 beroperasi dan jumlah kapasiti pengendalian penumpang akan bertambah dari 3.3 juta penumpang setahun kepada 5.3 juta penumpang setahun. Dengan adanya kemudahan seumpama ini, sudah tentu akan dapat menarik lebih banyak syarikat-syarikat penerbangan asing beroperasi di lapangan terbang ini.

SOALAN NO. 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN (KENINGAU)

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan (Keningau) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilakah Menteri akan melawat ke kawasan Parlimen Keningau dan di pedalaman Sabah untuk menjelaskan kepada para wanita dan ibu-ibu di pedalaman Sabah bagaimana Kementerian boleh membantu mereka mempertingkatkan lagi hasil pendapatan kegiatan ekonomi mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membuat lawatan dan menghadiri aktiviti yang dianjurkan oleh penduduk Keningau, Tenom dan Pensiangan pada 1 Jun 2008. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau kedudukan sosio-ekonomi rakyat pedalaman di Sabah bagi memastikan mereka tidak dipinggir daripada mendapat manfaat daripada program-program yang dapat membantu untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Beberapa program pembangunan kapasiti disediakan oleh Kementerian untuk golongan wanita dengan matlamat untuk membuka jalan dan menyediakan peluang untuk wanita terbabit bergiat dalam aktiviti ekonomi yang dapat mempertingkat pendapatan mereka.

Antara program yang sedang giat dilaksanakan untuk kumpulan sasar di peringkat akar umbi adalah kursus jahitan "Jejari Bestari"

yang dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen termasuk di negeri Sabah. Bagi Parlimen Keningau, program tersebut telah dilaksanakan pada 18 Januari 2008 yang lalu selama tiga hari. Program Jejari Bestari disasarkan kepada wanita setempat khususnya wanita berpendapatan rendah dan ibu tunggal. Pelaksanaan program ini bertujuan untuk membekalkan para peserta terbabit dengan pengetahuan dan kemahiran yang dapat digunakan untuk menambah sumber pendapatan mereka. Walaupun program ini dilaksanakan secara jangka pendek, kesemua peserta telah berjaya menghasilkan produk jahitan sendiri yang berkualiti pada hari terakhir kursus.

Kemahiran sebegini bukan sahaja dapat digunakan oleh wanita dan ibu-ibu terbabit untuk memenuhi keperluan keluarga sendiri, malahan terdapat ramai di kalangan peserta program yang menggunakan kemahiran jahitan ini untuk mengambil tempahan atau upah secara sambilan mahu pun sepenuh masa. Inisiatif ini telah terbukti mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada wanita yang rajin berusaha.

Selain program-program berbentuk kemahiran, Kementerian turut melaksanakan program-program pengupayaan wanita di peringkat akar umbi seperti program menangani keganasan terhadap wanita, kefahaman tentang hak-hak wanita, program kepimpinan dan sebagainya. Semenjak tahun 2004 hingga 2008, sebanyak 130 program pembangunan wanita telah dijalankan di negeri Sabah yang disertai oleh seramai 16,232 orang peserta.

Di samping Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kementerian-kementerian lain juga menyediakan bantuan dan program khusus bagi pembangunan masyarakat di luar bandar termasuk golongan wanita dan ibu tunggal. Sebagai contoh, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) melaksanakan program khusus bagi pembangunan ekonomi desa dan pembasmian kemiskinan. Sembilan program pembasmian kemiskinan yang dikhususkan untuk penduduk luar bandar adalah seperti berikut:

i. Program Peningkatan Pendapatan;

ii. Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya;

iii. Program Kecemerlangan Pendidikan;

iv. Program Taman Asuhan Kanak-kanak;

v. Program Makanan Tambahan Seimbang;

vi. Program ASB-Sejahtera;

vii. Program Pembangunan Minda Insan;

viii. Program Bantuan Rumah; dan

ix. Program Pembangunan Masyarakat Setempat

Secara umumnya, program-program tersebut bertujuan untuk membantu penduduk luar bandar yang miskin termasuk ibu tunggal dan suri rumah bagi menjalankan kegiatan ekonomi khususnya yang berasaskan pertanian dan kraftangan. Oleh itu, bantuan yang dinyatakan tadi bersifat menyeluruh iaitu merangkumi pelaksanaan kursus-kursus latihan untuk peserta, bantuan peralatan dan mesin, penyediaan premis niaga, bantuan untuk mendapatkan bahan mentah serta penyediaan modal permulaan dan operasi bagi membantu para peserta terbabit mempertingkat pendapatan melalui aktiviti ekonomi yang dijalankan di luar bandar.

NO: 21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**BAGI JAWAB LISAN**
DARIPADA	**:**	**Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang]**
TARIKH	**:**	**7 Julai 2008 (Isnin)**
SOALAN	**:**	**21**

Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh manakah perang harga antara MAS dan AirAsia merupakan satu pertandingan yang sihat.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Soalan ini telah dijawab bersama-sama dengan soalan daripada Y.B. Bukit Katil pada 30 Jun 2008.

SOALAN NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **07.07.2008**

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah bilangan pembayar cukai perseorangan dan syarikat dari tahun 2004 sehingga 2007 serta berapakah jumlah cukai yang telah ditaksir bagi kumpulan masing-masing dan berapakah jumlah yang telah dikutip.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan pembayar cukai perseorangan dan syarikat pada tahun 2004 hingga tahun 2007 secara puratanya adalah sebanyak 1.13 juta setahun bagi perseorangan dan 0.1 juta setahun bagi syarikat.

2. Jumlah cukai yang telah ditaksir bagi tahun 2004 hingga 2007 adalah sebanyak RM121.44 bilion iaitu RM30.92 bilion bagi

pembayar cukai perseorangan dan RM90.52 bilion bagi pembayar cukai syarikat. Jumlah ini adalah berdasarkan taksiran oleh pembayar cukai memandangkan sistem taksiran sendiri telah dilaksanakan mulai tahun 2001. Walau bagaimanapun, jumlah ini mungkin lebih tinggi jika terdapat taksiran tambahan dibangkitkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri daripada aktiviti audit dan penyiasatan.

3. Jumlah cukai yang telah dikutip bagi tahun 2004 hingga tahun 2007 pula adalah sebanyak RM162.30 bilion iaitu RM41.70 bilion daripada pembayar cukai perseorangan dan RM120.60 bilion daripada syarikat.

4. Jumlah cukai yang telah dikutip sentiasa menunjukkan jumlah yang lebih tinggi berbanding jumlah cukai ditaksir. Ini kerana kutipan cukai dalam sesuatu tahun turut meliputi pembayaran cukai bagi tahun taksiran kebelakangan dan amaun ansuran cukai bagi taksiran yang belum dibangkitkan (dikutip secara terdahulu) terutamanya bagi kes syarikat yang membayar ansuran cukai berdasarkan anggaran yang dikemukakan (Sistem Taksiran Tahun Semasa).

Soalan No : 23

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN)**

TARIKH : **7.7.2008**

SOALAN:

Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa terdapat masalah penyelarasan di antara pihak Jabatan Pelajaran dan pihak KEMAS dalam menguruskan pendidikan prasekolah. Apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menyelaraskannya memandangkan ia menyebabkan berlakunya pertindihan tugas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pembukaan kelas-kelas prasekolah adalah bertujuan untuk menyediakan peluang kepada kanak-kanak menerima pendidikan awal sebelum memasuki Tahun 1. Sehubungan itu, selain daripada prasekolah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional telah mewujudkan Tadika Perpaduan, manakala Tadika KEMAS dikelolakan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Terdapat juga tadika-tadika yang ditubuhkan oleh pihak swasta.

Berhubung dengan pertindihan tugas seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat, KPM berpendapat perkara tersebut tidak timbul kerana kesemua agensi yang mengendalikan prasekolah ini mempunyai peranan yang tersendiri

yang bertujuan untuk menyediakan pendidikan awal bagi kanak-kanak. Pelaksanaan pendidikan awal ini juga bertujuan untuk memenuhi keperluan penduduk setempat sama ada di bandar mahu pun di luar bandar.

Bagi mewujudkan penyelarasan dari aspek kawalan, KPM telah menetapkan peraturan serta syarat wajib bagi penubuhan dan pengendalian prasekolah yang perlu diikuti oleh semua agensi terlibat, antaranya:

i. Semua pihak yang mengendalikan kelas prasekolah/tadika mestilah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia dan tindakan boleh diambil sekiranya mereka mengingkari syarat-syarat yang ditetapkan;

ii. Dari segi kurikulum, Akta Pendidikan 1996 telah menetapkan semua agensi pelaksana program prasekolah wajib menggunakan Kurikulum Prasekolah Kebangsaan dan ia telahpun terlaksana mulai tahun 2003;

iii. Menetapkan kelayakan akademik minimum, iaitu memiliki sijil SPM bagi guru tadika dan mereka perlu mengikuti kursus tentang kurikulum prasekolah kebangsaan; dan

iv. Tadika juga dimestikan menyediakan pembantu guru berdasarkan jumlah murid yang berada di tadika tersebut.

Sehubungan dengan itu juga, sebagai langkah jangka panjang KPM sedang mengkaji semula peraturan-peraturan yang berkaitan dengan tadika bagi memastikan semua tadika memenuhi satu standard kualiti minimum yang ditetapkan oleh KPM.

Soalan No : 24

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)**

TARIKH : **7.7.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membantu sekolah-sekolah mubaligh di negara amnya dan negeri Pulau Pinang khasnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) akan sentiasa memastikan semua sekolah sama ada sekolah kerajaan mahupun sekolah bantuan kerajaan mendapat perhatian yang sewajarnya dalam semua aspek termasuklah bantuan kewangan. Mengenai sekolah mubaligh, melalui peruntukan belanja mengurus, kerajaan telah memberikan sumbangan secara sama rata kepada semua sekolah sama ada kepada sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan termasuk sekolah mission. Peruntukan tersebut merangkumi emolumen dan elaun guru, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan, pemberian bantuan Perkapita (PCG), dan peralatan pengajaran dan pembelajaran (P & P). Sumbangan ini diberikan berdasarkan bilangan murid, bilangan guru serta gred sekolah tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2001 hingga 2006, sebanyak RM3.14 bilion disediakan bagi menampung perbelanjaan mengurus sekolah-sekolah mubaligh di peringkat rendah dan menengah seluruh negara termasuklah 28 buah sekolah mubaligh di

Pulau Pinang. Di bawah RMKe-9 pula, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk disalurkan kepada semua sekolah bantuan kerajaan termasuklah sekolah mubaligh. Walau bagaimanapun pihak KPM tidak menetapkan jumlah pecahan peruntukan mengikut aliran sekolah tertentu tetapi berasaskan kepada keutamaan, terutama bagi kes-kes yang melibatkan keselamatan dan keselesaan pengajaran dan pembelajaran. Sehingga 15 April 2008, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM21.2 juta kepada sekolah-sekolah mubaligh di seluruh negara bagi projek-projek pembangunan sekolah.

Pada masa ini KPM sedang menjalankan kajian menyeluruh mengenai keperluan asas semua jenis sekolah tersebut bagi menentukan langkah serta tindakan yang perlu diambil bagi memperbaiki pengoperasian sekolah berkenaan, selaras dengan peruntukan yang diberikan di bawah Akta Pendidikan 1996.

SOALAN NO. (25)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina balai bomba di Parlimen Kapar. Jika ya, bilakah projek ini akan dilaksanakan dan jika tidak, kenapa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan)KPKT) tidak mempunyai rancangan untuk membina balai bomba di kawasan Parlimen Kapar dalam RMK-9. Pada masa kini, keperluan pembinaan balai bomba di kawasan ini tidak begitu kritikal memandangkan balai bomba berhampiran iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Klang Utara dan Balai Bomba Klang Selatan mampu memberikan kerja-kerja pemadaman dan penyelamatan di kawasan tersebut.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Julai 2008

NO SOALAN: 26

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RASHID BIN DIN [MERBOK]

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Datuk Rashid bin Din [Merbok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kerajaan akan melaksanakan sistem KPI (Key Performance Indicators) untuk tiap-tiap Menteri dan juga untuk tiap-tiap Kementerian dan dimasukkan ke dalam laporan tahunan supaya keberkesanan seseorang Menteri dan juga sesuatu Kementerian dapat dipantau rakyat.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kesemua Menteri merupakan lantikan Perdana Menteri. Oleh itu, tanggungjawab, skop kerja, sasaran kerja dan tahap prestasi setiap Menteri dinilai dan ditentukan oleh Perdana Menteri.

Bagi setiap Kementerian pula, Kerajaan sedang dalam proses untuk melaksanakan sistem Indeks Prestasi Utama (KPI) bagi Ketua Setiausaha atau Ketua Pengarah Kementerian serta Agensi sektor awam utama. Pengenalan sistem KPI ini merupakan langkah pelopor untuk memangkin budaya dan prestasi kerja yang lebih cekap dan efektif di Agensi masing-masing. Ini adalah selaras dengan objektif Kerajaan untuk menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan awam ke arah yang lebih cemerlang, demi meningkatkan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Sekian, terima kasih.

Soalan No: 27

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA : **PUAN TAN AH ENG**
(GELANG PATAH)

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **07.07.2008**

Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:-

a. kegunaan kutipan daripada penjualan tambahan bagi Magnum, Toto dan 1 +3; dan

b. adakah Kementerian akan mengurangkan tarikh penjualan tambahan.

Jawapan:

Tuan Yang di-Pertua,

a. Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cabutan tambahan (cabutan khas nombor ramalan) mula diperkenalkan pada tahun 1999 oleh Kerajaan untuk mengutip sumbangan daripada syarikat-syarikat nombor ramalan untuk disalurkan kepada mangsa penyakit Japanese Encephalitis (JE). Sejak itu, beberapa cabutan khas telah diadakan bagi tujuan untuk

membiayai aktiviti berbentuk sukan, kebajikan, pendidikan, sosial, kesihatan dan kemasyarakatan. Pada masa ini, cabutan khas cuma dibenarkan pada hari Selasa atau Khamis sahaja.

NV: 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' MUKHRIZ BIN TUN DR. MAHATHIR**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008 (ISNIN)**
NO. PERTANYAAN	:	**28**

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah IPTA bekerjasama dengan syarikat-syarikat teknologi tinggi tempatan dan asing untuk memastikan projek penyelidikan dan pembangunan yang dilaksanakan memenuhi permintaan yang spesifik pihak swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menyedari tentang pentingnya hubungan kerjasama di antara IPTA dengan sektor industri tempatan dan antarabangsa dalam memastikan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan oleh IPTA memenuhi permintaan pihak swasta untuk dikomersialkan.

Kementerian sememangnya menggalakkan kerjasama di antara IPTA dan industri dalam bidang R&D. Pada masa ini, beberapa IPTA telah mengadakan kerjasama penyelidikan dengan syarikat-syarikat

swasta tempatan dan antarabangsa. Antara syarikat swasta tempatan yang terlibat ialah Federal Flour Mills (FFM), Equator Biotech Sdn. Bhd., Autoimmune Sdn. Bhd., INTEL Technology dan Raza Manufacturing Sdn. Bhd.

Melalui rangkaian kerjasama ini juga, IPTA tempatan telah berjaya menarik agensi dan pertubuhan antarabangsa membiayai penyelidikan mereka, antaranya Netherland Organisation for Scientific Research; Sephis Foundation, Netherland; Yayasan FORD Indonesia dan Bayer Australian Limited untuk membiayai aktiviti R&D. Justeru, Kementerian yakin jika kerjasama ini berterusan, maka hasil R&D IPTA tempatan akan dapat dikomersialkan dan diterima di peringkat global.

NO SOALAN : 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN LIEW CHIN TONG (BUKIT BENDERA)**
TARIKH	**:**	**7 JULAI 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan laporan penilaian tender calon-calon pembekal helikopter yang bakal menggantikan NURI dan *Airborne Warning And Control System* (AWACS). Adakah laporan tersebut akan dibentangkan di Parlimen untuk dibahas, seperti mana yang berlaku di Korea Selatan, Taiwan dan Amerika Syarikat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah memutuskan program penggantian Nuri dilaksanakan melalui proses Tender Antarabangsa. Tender tersebut telah diiklankan pada 6 November 2007 dan ditutup pada 12 Februari 2008. Tender Terbuka Antarabangsa diadakan bagi membolehkan pihak pembuat mengambil bahagian secara langsung dan sehubungan itu tiada komisen dibayar oleh pembekal atau kerajaan kepada mana-mana pihak.

Asas penentuan bagi helikopter yang berjaya adalah berpandukan kepada spesifikasi yang telah disediakan oleh pihak TUDM. Kerajaan berpendapat proses perolehan tersebut tidak wajar dibincangkan kerana ia melibatkan kelengkapan pertahanan *(military spesification)* dan strategik negara. Perolehan tersebut tidak boleh disamakan dengan perolehan untuk kegunaan umum *(civil)*. Ini adalah memandangkan setiap perolehan Kerajaan akan melalui proses tatacara yang melibatkan pelbagai peringkat Teknikal, *Offset* dan Rundingan Harga dan akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk dimuktamadkan. Setakat ini Kementerian Pertahanan

telahpun selesai melaksanakan penilaian Teknikal, *Offset* dan Harga. Kini ianya dalam proses untuk dimuktamadkan oleh Kementerian Kewangan.

Semua perolehan Kerajaan akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara dan akan membuat teguran sekiranya ada tatacara yang melanggar peraturan semasa.

SOALAN NO.: 30

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN :

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah cadangan Kerajaan berkenaan pencegahan banjir di Sibu, Sarawak dan bilakah cadangan tersebut akan dilaksanakan dan jumlah peruntukan yang diperlukan untuk projek itu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Ahli Yang Berhormat, bagi mengatasi masalah banjir di Sibu dan kawasan sekitarnya, Jabatan Pengairan dan Saliran telah mengenalpasti beberapa kaedah penyelesaian jangka panjang dari kajian-kajian yang telah dijalankan. Antara komponen-komponen rekabentuk yang telah dikenalpasti dan bersesuaian untuk mengatasi masalah banjir di kawasan

ini adalah pembinaan benteng pencegah banjir, pembinaan sistem saluran pam dan pembinaan pintu kawalan air pasang surut.

Projek tebatan banjir tersebut sedang dalam penelitian Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). Keputusan muktamad berhubung perkara ini termasuk peruntukan dan jadual pelaksanaannay hanya akan diketahui selepas KSP RMKe-9 dibentangkan dan diluluskan di Parlimen.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN**
KAWASAN	:	**REMBAU**
TARIKH	:	**07.07.2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sejauh manakah kejayaan syarikat tempatan dalam mengembangkan sayap ke luar negara dan adakah kita berjaya membina syarikat yang setanding dengan syarikat gergasi dunia yang lain, terutamanya dalam konteks keperluan membuka pasaran tempatan di bawah pelbagai perjanjian perdagangan yang telah kita tandatangani.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

1. Syarikat-syarikat tempatan sebenarnya telah berjaya mengembangkan sayap ke luar negara. Dari segi perdagangan, menurut laporan WTO tahun 2007, Malaysia adalah negara perdagangan ke 21 terbesar di dunia. Malaysia juga merupakan negara pengeksport ke-19 terbesar dan pengimport ke-25 terbesar di dunia pada tahun yang sama.

2. Dari segi eksport ke luar negara, setakat ini, syarikat-syarikat Malaysia telah berjaya menyiapkan sebanyak 333 buah projek pembinaan di luar negara manakala sebanyak 96 buah projek masih dalam peringkat pembinaan di 42 buah negara. Antara projek-projek pembinaan berskala besar yang melibatkan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara adalah pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa di Kemboja dan Qatar serta pembinaan projek lebuh raya di India dan pembinaan trek perlumbaan kereta F1 di Bahrain.

3. Pelaburan langsung asing Malaysia di luar negara juga telah meningkat dengan ketara daripada RM22.2 billion pada tahun 2006 kepada RM37.9 billion pada tahun 2007. Sebahagian besar pelaburan ini dilakukan melalui pemerolehan kepentingan dalam operasi atau perniagaan sedia ada di luar negara. Dalam sektor perkhidmatan, syarikat perkapalan dan telekomunikasi domestik telah meningkatkan pelaburan masing-masing di pasaran sedang pesat membangun seperti di Indonesia, Bangladesh dan Brazil.

4. Dalam sektor minyak dan gas, pelaburan Malaysia ke luar negara diterajui oleh PETRONAS. PETRONAS terus mengadakan perkongsian dengan beberapa syarikat minyak asing bagi penerokaan dan pengekstrakkan dengan menyediakan kepakaran teknikal dan modal kerja bagi pelaburan.

5. Di antara syarikat Malaysia yang mempunyai pelaburan di luar negara ialah Berjaya Group, Boustead Holdings, Delloyd, Dialog Group, Genting Berhad, IOI, Maxis, Muhibah Engineering, PROTON, Telekom, Tenaga Nasional Berhad dan YTL.

6. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap meneruskan usaha untuk memberi sokongan dan galakan kepada syarikat tempatan yang ingin mengembangkan sayapnya di peringkat global. Pelbagai program dan usaha dijalankan bagi tujuan ini termasuklah program galakan dan promosi perdagangan.

7. Di antara program galakan perdagangan yang telah dan sedang dijalankan setiap tahun adalah Rombongan Perdagangan dan Pelaburan yang diketuai oleh YB Menteri atau YB Timbalan Menteri. Pada tahun 2007, sebanyak 13 Rombongan Perdagangan dan Pelaburan telah dilaksanakan di mana sebanyak 273 syarikat tempatan telah mengambil bahagian, dan berjaya menjana jumlah jualan sebenar sebanyak RM198 juta dan jumlah jualan dalam rundingan sebanyak RM11,553 juta.

8. Bagi tujuan yang sama untuk mengembangkan pasaran perdagangan Malaysia di dunia, pada tahun 2007 MATRADE juga telah menganjurkan penyertaan syarikat-syarikat tempatan di dalam 72 Pameran Perdagangan Antarabangsa di luar negara, di mana sebanyak 993 syarikat-syarikat tempatan Malaysia telah mempamerkan produk barangan dan perkhidmatan mereka di Pavilion Malaysia. Hasil daripada penyertaan syarikat-syarikat Malaysia di Pameran Perdagangan Antarabangsa tersebut, jumlah jualan sebenar yang telah dijana adalah sebanyak RM175 juta dan jumlah jualan dalam rundingan sebanyak RM3,640 juta.

9. Antara produk barangan yang dipromosikan adalah produk berasaskan makanan, barangan pembinaan, peralatan perubatan, produk elektrik dan elektronik, produk barangan peralatan rumah, barangan kemas, perabot dan pakaian. Manakala di dalam bidang

perkhidmatan, antara sektor yang dipromosikan termasuk pendidikan, pembinaan, perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan industri petroleum dan gas.

10. Selain itu, di peringkat Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pula, rundingan-rundingan pembukaan pasaran telah atau sedang diwujudkan melalui Perjanjian Perdagangan Bebas dan Perjanjian Perdagangan lain yang ditandatangani bersama rakan-rakan perdagangan Malaysia. Pembukaan pasaran di bawah perjanjian-perjanjian ini tidak wajar dilihat dari segi defensif, tetapi dari segi, dengan izin, *complementarity* perdagangan kedua-dua negara berkenaan.

****

32

No. Soalan : ~~12~~

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN TONY PUA KIAM WEE**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008**

TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan bila perkhidmatan teksi di Malaysia sepenuhnya diwajibkan untuk menggunakan meter perjalanan. Apakah langkah penguatkuasaan yang akan diambil terutamanya di Bandar di mana trafik amat sesak dan sektor pelancongan amat penting seperti di Pulau Pinang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkhidmatan teksi perlu menggunakan meter seperti yang diperuntukan dalam Kaedah 16, Kaedah-Kaedah Kenderaan Bermotor (Pengangkutan Perdagangan) 1959 [L.N. 175/1959] yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1960.

Kementerian telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan secara berterusan melalui operasi penguatkuasaan harian dan bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain seperti JPJ dan PDRM. Antara tindakan

penguatkuasaan yang telah diambil ialah membatalkan dan menggantung lesen, mengenakan kompaun dan memberi amaran. Sepanjang tahun 2007, sebanyak 2,702 aduan telah diterima dan 3,224 tangkapan telah dibuat. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 3,904 tindakan penguatkuasaan telah diambil daripada pelbagai kesalahan.

Disediakan Oleh : **NOR NEKMAN BIN JAIMON** 27/6/2008
: **No.Tel. Pejabat : 03-8880 5478**
: **No. H/P : 019-2768803**

Disemak Oleh : **NAIMAH BINTI RAMLI** 1/7/08
: **No.Tel. Pejabat : 03-8880 5474**
: **No. H/P : 012-012-3250969**

Diluluskan Oleh : **ALWI BIN HAJI IBRAHIM**

SOALAN NO: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR]**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008**
RUJUKAN	:	**1099**

SOALAN:

Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan indeks jenayah di Sabah dan Sarawak sepanjang 2007-2008 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya juga bentuk dan jumlah tangkapan serta penglibatan suku kaum dalam kesalahan tersebut.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Sepanggar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, jenayah indeks adalah bilangan kes-kes jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai signifikasi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Jenayah indeks terbahagi kepada dua kategori iaitu Jenayah Kekerasan dan Jenayah Harta Benda.

Jenayah indeks di negeri Sabah pada tahun 2007 mencatatkan sebanyak 7,253 kes. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2,128 tangkapan telah dibuat oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). Pada tahun 2008, sehingga bulan Mei 2008, jenayah indeks di negeri Sabah telah mencatatkan sebanyak 3,767 kes jenayah di mana PDRM telah membuat sebanyak 1,019 tangkapan daripada jumlah tersebut. Kebanyakan daripada tangkapan tersebut adalah

melibatkan penduduk negeri Sabah. Jenayah indeks yang paling tinggi di negeri Sabah ialah berbentuk kecurian, pecah rumah untuk mencuri, samun tanpa senjata api dan mencederakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi negeri Sarawak pula, jenayah indeks pada tahun 2007 mencatatkan sebanyak 11,611 kes di mana daripada jumlah tersebut PDRM telah membuat sebanyak 2,237 tangkapan. Sehingga bulan Mei 2008 pula, jenayah indeks negeri Sarawak telah mencatatkan sebanyak 5,417 kes dan telah melibatkan sebanyak 1,100 tangkapan. Sebahagian besar tangkapan adalah melibatkan penduduk negeri Sarawak. Bentuk jenayah yang paling tinggi ialah curi, curi motosikal, curi motokar, curi ragut, samun tanpa senjata api dan mencederakan.

NO. SOALAN: 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN:

Y.B. Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Malaysia akan terus memberikan keutamaan kepada penyertaan syarikat Singapura dalam kawasan Iskandar Malaysia dalam keadaan Pulau Batu Putih telah terlepas ke tangan Singapura.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, dalam kes Pulau Batu Putih, Kerajaan berpandangan bahawa ianya tidak berkaitan langsung dengan pembangunan di kawasan Iskandar Malaysia. Sebenarnya, Singapura tidak mendapat sebarang keistimewaan pun dalam aktiviti-aktiviti pelaburannya di negara ini termasuklah di kawasan Iskandar Malaysia. Ini kerana dalam usaha menarik pelaburan asing yang diperlukan untuk pembangunan Iskandar Malaysia, Kerajaan mengguna pakai dasar dan strategi yang seragam serta menyediakan

peluang yang sama bagi semua pelabur asing yang ingin terlibat di dalam pembangunan di Iskandar Malaysia serta semua Koridor Pertumbuhan yang lain juga. Insentif atau galakan yang disediakan adalah terbuka kepada semua negara atau pelabur dan tiada keutamaan diberikan kepada mana-mana negara termasuklah Singapura. Sekiranya Singapura mahu melabur ke negara ini, Republik berkenaan perlu mematuhi setiap syarat dan peraturan pelaburan yang sudah ditetapkan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Jika dilihat kepada aliran kemasukan Pelaburan Terus Asing (FDI) yang diterima setakat ini di Iskandar Malaysia, pelabur besar kebanyakannya bukan dari Singapura, tetapi adalah daripada negara-negara Timur Tengah, Eropah dan India. Dengan ini, ianya jelas membuktikan bahawa Kerajaan tidak mengutamakan syarikat-syarikat Singapura dalam pembangunan di kawasan Iskandar Malaysia. Oleh itu, dakwaan bahawa Malaysia memberikan keutamaan kepada Singapura adalah tidak benar sama sekali. Sebenarnya, Iskandar Malaysia diwujudkan bukan untuk memberi keistimewaan kepada sesebuah negara, tetapi ia adalah satu gagasan komprehensif, tersusun dan mesra pelabur, serta menggunakan kedudukan strategiknya untuk menarik pelaburan tempatan dan asing daripada seluruh dunia. Dengan itu, rakyat Johor khususnya dan Malaysia amnya, akan terus mendapat faedah yang berlipat ganda daripada kemasukan pelaburan asing ini, terutamanya dalam mewujudkan peluang menjana kekayaan, pekerjaan dan pembangunan infrastruktur yang dilaksanakan di Iskandar Malaysia.

No:35

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN:

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah dan bilangan biasiswa universiti tempatan dan luar negeri yang diberikan sejak 2000 dan berikan pecahan mengikut negeri, kaum, jantina. Apakah sebab penolakan serta kriteria penerimaannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menawarkan 2 bentuk program penajaan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang iaitu Program Ijazah Luar Negara (PILN) dan Program Ijazah Dalam Negara (PIDN). Jumlah pelajar yang ditawarkan biasiswa JPA di luar dan dalam negara mengikut pecahan kaum sejak tahun 2000 adalah seperti berikut:

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI LUAR NEGARA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2007			
TAHUN	**BILANGAN BUMIPUTERA**	**BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA**	**JUMLAH KESELURUHAN**
2000	598	150	748
2001	609	152	761
2002	999	250	1,249
2003	1,314	329	1,643
2004	1,187	297	1,484
2005	1,040	260	1,300
2006	1,143	357	1,500
2007	1,170	630	1,800
JUMLAH KESELURUHAN	**8,060**	**2,425**	**10,485**

JUMLAH PELAJAR YANG DITAWARKAN BIASISWA JPA DI DALAM NEGARA DARI TAHUN 2000 HINGGA 2007			
TAHUN	**BILANGAN BUMIPUTERA**	**BILANGAN BUKAN BUMIPUTERA**	**JUMLAH KESELURUHAN**
2000	3,444	319	3,763
2001	8,723	969	9,692
2002	6,643	623	7,266
2003	4,340	407	4,747
2004	3,994	430	4,424
2005	4,693	593	5,286
2006	4,727	1,026	5,753
2007	6,682	893	7,575
JUMLAH KESELURUHAN	**43,246**	**5,260**	**48,506**

Sebab-sebab penolakan bagi biasiswa luar negara adalah seperti berikut:

(i) tidak mendapat markah penuh untuk kriteria pemilihan yang telah ditetapkan iaitu prestasi akademik (70%), ko-kurikulum (10%), sosio ekonomi (10%) dan prestasi temuduga (10%);

(ii) bidang pilihan pelajar tidak memenuhi kesesuaian kombinasi mata pelajaran yang ditetapkan. Contohnya, bagi memillih program perakaunan, calon mestilah telah mengambil mata pelajaran Prinsip Akaun dalam peperiksaan SPM. Sekiranya calon memohon program perakaunan tanpa mengambil mata pelajaran Prinsip Akaun, maka permohonannya secara automatik akan ditolak; dan

(iii) persaingan yang sengit untuk bidang yang dipohon.

Walau bagaimanapun, bagi biasiswa dalam negara hanya prestasi akademik (80%) dan sosioekonomi keluarga (20%) sahaja yang diambil kira bagi tujuan pemilihan.

SOALAN NO : 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **DATUK ISMAIL BIN KASIM [ARAU]**

Tarikh : **ISNIN, 7 JULAI 2008**

SOALAN

Datuk Ismail Bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan apakah strategi Kementerian untuk memaklumkan kepada rakyat mengenai rasional Kerajaan menaikkan harga minyak selaras dengan kenaikan harga minyak dunia dan sekali gus mengenai beban Kerajaan yang memberikan subsidi harga minyak di mana kesan yang dirasakan ialah jumlah subsidi yang meningkat begitu besar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada YB Arau atas soalan yang dikemukakan. Kementerian melalui RTM telah menyampaikan maklumat yang tepat dan benar kepada rakyat iaitu sebelum, semasa dan selepas pengumuman kenaikan harga minyak melalui pelbagai program seperti

liputan berita, bicarawara bersama tetamu, kapsul pendek dan sebagainya. Beberapa pakar ekonomi, tokoh politik, pertubuhan bukan kerajaan dan orang ramai juga diundang ke rancangan Selamat Pagi Malaysia, *Hello on Two*, Bersemuka dengan Media, 60 Minit Bersama Menteri, Isu Semasa Khas, Debat Khas dan Blog bagi berkongsi pandangan mengenai isu ini. Rasional kenaikan harga minyak dan Pakej Penstrukturan Semula Subsidi juga turut dipaparkan melalui laporan khas dan kapsul yang disiarkan melalui siaran berita.

Disediakan oleh:

Wan Bukhari Wan Daud
Pengarah Berita Ehwal Semasa
Jabatan Penyiaran

dan

Cik Aini Md. Yusof
Pengarah Bahagian Perancangan Strategik
& Penyelidikan
Jabatan Penerangan

SOALAN NO. 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH NANCY BINTI SHUKRI (BATANG SADONG)

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Puan Hajah Nancy binti Shukri (Batang Sadong) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian ada membuat kajian mengenai keberkesanan program latihan untuk kaum wanita di negara ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa menjalankan pemantauan dan penilaian terhadap

setiap program latihan yang dilaksanakan. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) mempunyai sebuah bahagian khusus bagi memantau dan menilai keberkesanan program-program tersebut. Proses ini meliputi pengumpulan maklumbalas daripada peserta mengenai modul program, penyampaian dan pelaksanaan program. Maklumat sedemikian sangat berguna untuk mengenalpasti sama ada program latihan tersebut dapat memenuhi keperluan peserta dari aspek pengetahuan, kemahiran dan sebagainya. Seterusnya proses penilaian dilakukan bagi tujuan penambahbaikan program-program yang akan dilaksanakan pada masa akan datang.

Namun demikian, Kementerian berpendapat kajian khusus mengenai kesan keberkesanan program-program latihan yang dijalankan masih perlu diadakan bagi meningkatkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan sedia ada dan merangka strategi baru bagi program-program yang akan diadakan. Selain itu, ianya juga dapat digunakan sebagai penanda aras untuk menilai impak atau keberkesanan program latihan yang dianjurkan ke atas ekonomi dan kualiti hidup peserta.

Soalan: 38

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Tuan Mohsin Fadzil bin Haji Samsuri (Bagan Serai)**
TARIKH	:	**7 Julai (Isnin)**
SOALAN	:	**Tuan Mohsin Fadzil bin Haji Samsuri (Bagan Serai)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan : Menyatakan sejauh mana kajian terperinci tentang hasil keluaran padi dari kaedah serak dengan kaedah serak dengan kaedah tanaman. Berapakah tangkaikah yang didapati bagi setiap rumpun padi yang ditanam.

Jawapan daripada Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani:

Yang Di Pertua,

Untuk Makluman Yang Berhormat,

Sehingga kini masih belum ada kajian yang terperinci mengenai kaedah tanaman padi secara serak dan secara mencedung dengan menggunakan "transplanter".

Walau bagaimanapun, penanaman padi secara mencedung dengan menggunakan transplanter adalah lebih digalakkan memandangkan ia dapat mengurangkan pertumbuhan rumpai di petak-petak sawah.

Pada Kebiasaanya, anak-anak padi akan bercambah sehingga ke anggaran 6 hingga ke 8 anak pai dalam setiap rumpun padi yang di tanam.

SOALAN NO:39

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Ir. HAJI HAMIM BIN SAMURI (Ledang)

TARIKH : 7 Julai 2008

SOALAN : **Y.B. Ir. HAJI HAMIM BIN SAMURI** minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah kemajuan Zon Industri Akuakultur (ZIA) dalam usaha untuk membantu nelayan ke arah ala FELDA dan bolehkah Kementerian melaksanakan projek printis di setiap negeri.

JAWAPAN: **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Zon Industri Akuakultur (ZIA) merupakan pendekatan pembangunan melalui pengezonan kawasan tanah dan perairan yang dikenalpasti sesuai untuk dibangunkan dengan projek akuakultur

komersil. Pelaksanaan pembangunan ZIA melibatkan kerjasama antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Kerajaan negeri meluluskan kawasan yang dikenalpasti untuk dizonkan sebagai ZIA, manakala kerajaan persekutuan menyedia perancangan makro dan menyediakan peruntukan pembangunan untuk membangunkan infratstruktur asas. Pendekatan ini merupakan salah satu strategi utama pembangunan akuakultur secara mapan di bawah Dasar Pertanian Negara Ketiga dan Rancangan Malaysia Kesembilan.

Kementerian telah memilih ZIA sebagai salah satu program pembangunan di bawah Projek Berimpak Besar (High Impact Project – HIP) bagi memastikan pembangunan tersebut dapat mencapai matlamat yang ditetapkan.

Pembangunan berkonsep ala FELDA merupakan salah satu model pembangunan ZIA. Pembangunan seperti ini ditumpukan kepada kawasan akuakultur yang luas, melibatkan sebilangan besar kumpulan sasar bagi menghasilkan komoditi perikanan yang mempunyai permintaan pasaran yang terjamin. Sehingga ini terdapat lima kawasan ZIA dibangunkan melalui konsep ala FELDA yang

melibatkan kaum nelayan bagi pengeluaran udang laut, benih ikan laut dan kerang-kerangan.

Projek printis pembangunan ZIA ala FELDA untuk ternakan udang laut kini sedang dilaksana di Tanjong Batu, Nenasi, Pahang. Kawasan seluas 283 hektar ini sedang dibangunkan untuk projek ternakan udang harimau. Projek ini akan memberi faedah kepada 90 peserta yang dijangka dapat menghasilkan 2,900 tan metrik hasil bernilai RM69 juta setahun. Jabatan Perikanan kini sedang membina kemudahan infrastruktur asas seperti jalan ladang, sistem bekalan air laut, bekalan elekterik dan kolam ternakan. Pelaksanaan projek melibatkan Lembaga Kemajuan Pertanian Pahang (LKPP) sebagai syarikat peneraju bersama kumpulan penternak. Setiap peserta diberi latihan oleh Jabatan Perikanan dan diperuntukan dua hektar kolam ternakan. Projek ini diurus berasaskan kepada prinsip biosekuriti ladang dan amalan akuakultur baik bagi meminimum risiko jangkitan penyakit udang.

Projek perintis ZIA ala FELDA di negeri Selangor dapat dilihat dalam pembangunan ZIA ternakan udang harimau di Sungai Nipah, Sabak Bernam, Selangor. Projek yang melibatkan kawasan seluas

28 hektar dengan 24 unit kolam sedang dioperasi oleh lapan orang peserta. Kerajaan persekutuan telah membelanjakan peruntukan pembangunan sebanyak RM2.4 juta bagi menyediakan infrastruktur asas dan membaikpulih kolam ternakan. Hasil ternakan pertama telah mencapai saiz pasaran dan akan dituai mulai bulan Jun ini. Projek ini dijangka dapat menghasilkan 69 tan metrik udang bernilai RM1.4 juta setahun. Setiap peserta dijangka akan memperolehi pendapatan bersih sekitar RM 3,000.00 sebulan.

Pembangunan ZIA ala FELDA yang melibatkan ternakan kerang sedang dilaksana di kawasan perairan tepi pantai seluas 9,800 hektar dari daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor hingga ke Kelang, Selangor. Projek yang dikenali sebagai kebun kerang ini akan memberi faedah kepada 1,628 orang nelayan dengan potensi hasil sebanyak 92,000 tan metrik bernilai RM92 juta. Setiap peserta mengusahakan lot kawasan ternakan berkelusan antara 20 hingga 50 hektar. Sehingga ini sebanyak 65 lot telah memulakan operasi ternakan melibatkan 710 orang peserta.

Pembangunan ZIA ala FELDA yang melibatkan ternakan siput sudu sedang dilaksana di kawasan

perairan tepi pantai Sebatu, Melaka. Kawasan seluas 220 hektar ini mempunyai kapasiti pengeluaran siput sudu sebanyak 5,000 tan metrik setahun untuk memberi faedah kepada 40 orang peserta. Pada masa ini terdapat 30 rak ternakan yang dioperasikan oleh kumpulan siswazah dan nelayan.

Selain projek ternakan, pembangunan ZIA juga melibatkan projek pembenihan ikan laut. Projek secara besar-besaran kini dilaksana di Bukit Keluang, Besut, Terengganu. Projek yang dikenali sebagai 'Lembah Pembenihan Terengganu' meliputi kawasan pantai seluas 300 hektar. Projek asuhan benih ikan siakap dan kerapu dalam kolam diusahakan oleh 44 orang pengasuh benih. Jabatan Perikanan memberi perkhidmatan dalam aspek latihan, sokongan teknikal dan bekalan telur ikan siakap. Pada tahun 2007 sejumlah 136 juta ekor benih ikan telah dihasilkan dan dijual kepada penternak ikan laut di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang.

Kementerian akan memperkembang pelaksanaan projek berkelompok ala FELDA yang dapat memberi faedah kepada sebilangan besar kumpulan sasar di seluruh negara. Kementerian

telah menyenaraikan 39 kawasan HIP-ZIA meliputi kawasan 25,000 hektar. Potensi pengeluaran hasil adalah sebanyak 352,000 tan metrik bernilai RM 1.6 bilion setahun.

SOALAN : 40

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : **Y.B. Datuk Dr. Zainal Abidin bin Ahmad (Hulu Selangor)**

TARIKH : **7 Julai (Isnin)**

SOALAN : **Y.B. Datuk Dr. Zainal Abidin bin Ahmad (Hulu Selangor)** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

Perancangan memajukan kawasan-kawasan sawah terbiar di merata-merata tempat dalam negeri Selangor sebagai usaha meningkatkan pengeluaran beras negara.

JAWAPAN:

Negeri Selangor mempunyai kawasan Jelapang Padi, dengan keluasan pasel seluas 18,422 hektar. Hampir keseluruhan kawasan tersebut ditanam dua (2) kali setahun yang meliputi Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Keluasan bertanam pada tahun 2007 ialah 36,516 hektar.

Kawasan luar jelapang yang terletak di Daerah Hulu Langat dengan keluasan pasel 205 hektar telah diusahakan dengan berbagai tanaman ladang seperti serai (70 hektar), buah-buahan (30 hektar), sayur-sayuran (10 hektar) dan tanaman kontan (20 hektar), lain-lain pembangunan (55 hektar) dan kawasan sawah terbiar masih ada ialah 20 hektar.

NO. SOALAN: 41

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 7 Julai 2008

SOALAN :

Y.B. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bekalan petroleum negara yang dikeluarkan setakat ini pada kadar tong setiap hari, rezab minyak negara masih tersimpan, harga pasaran tempatan dan eksport dan bagaimanakah Kerajaan merancang untuk mengatasi kenaikan harga minyak antarabangsa supaya tidak meninggalkan impak yang membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rizab minyak mentah dan kondensat negara pada 1 Januari 2007 adalah sebanyak 5.4 billion tong dan kadar purata pengeluaran sumber hidrokarbon tersebut bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2007 adalah sebanyak 661,000 tong sehari. Harga purata minyak mentah Malaysia (*Malaysian Crude Oil*) pada tahun kewangan yang sama adalah USD68.50 setong dan harga ini adalah terpakai untuk pasaran tempatan ataupun eksport.

Mengenai rancangan Kerajaan untuk mengatasi kenaikan harga minyak antarabangsa, sukalah dijelaskan bahawa fenomena kenaikan harga

minyak dunia adalah di luar kawalan Kerajaan mana-mana negara di dunia sekalipun. Namun begitu, Kerajaan sedar bahawa fenomena tersebut telah mengakibatkan kenaikan harga barangan secara menyeluruh. Keadaan ini dirasai bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara-negara lain di dunia.

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan sentiasa memberi keutamaan terhadap usaha untuk meminimumkan kesan akibat kenaikan harga minyak ini. Dalam hubungan ini, sukalah dijelaskan bahawa Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah wajar bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

i. Meningkatkan jaringan keselamatan sosial melalui bantuan kepada golongan miskin dan memerlukan termasuk bantuan kepada orang tua, elaun kepada pekerja cacat, perluasan skop dan operasi Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) ke kawasan bandar dan meningkatkan kadar kelayakan pendapatan isi rumah daripada RM400 sebulan kepada RM700 sebulan;

ii. Mengekalkan subsidi gas masak pada RM1.75 sekilogram;

iii. Mengekalkan tarif elektrik semasa bagi isi rumah yang menggunakan 200kWj sebulan ke bawah;

iv. Memberi rebat tunai RM625 bagi kereta persendirian berkapasiti 2000cc ke bawah, jip dan pick-up berkapasiti 2500 ke bawah serta RM150 bagi motorsikal persendirian berkapasiti enjin sehingga 250cc;

v. Meningkatkan kuota kemudahan kad fleet serta mengekalkan subsidi diesel (RM1.43 seliter) kepada pengusaha pengangkutan awam di samping mengekalkan subsidi harga NGV (RM0.68 seliter);

vi. Mengekalkan beras Super Tempatan 15% sebagai beras yang dikawal harga (antara RM1.65/kg hingga RM1.80/kg). Di samping itu, menetapkan harga siling beras Super Special Tempatan 5% pada RM2.80/kg dan Beras Super Special Tempatan 10% pada RM2.70/kg.

SOALAN NO: 43

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN]**

TARIKH : **ISNIN, 7 JULAI 2008**

RUJUKAN : **16**

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan:

(a) apakah Kementerian sedar bahawa di Kuala Lumpur terdapat banyak bangunan kediaman seperti kondominium dan apartmen lama yang terbiar dan pihak pengurusan sudah tidak lagi peduli tentang keselamatan, keselesaan dan kebersihan bangunan berkenaan; dan

(b) jika sedar, apakah pihak Kementerian mempunyai kuasa untuk menentukan agar masalah-masalah seperti ini diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kalabakan, pihak Kementerian sememangnya menyedari terdapat bangunan-bangunan kediaman seperti kondominium dan apartmen lama yang berada dalam keadaan terbiar, kelihatan uzur dan tidak lagi diurus dengan baik.

Bangunan-bangunan yang sedemikian dipantau mengikut kategori seperti berikut:-

i) **Aspek keselamatan dan kestabilan struktur;**
ii) **Aspek terbiar dan usang**; dan
iii) **Aspek fasad** yang merangkumi kebersihan dan keindahan seperti keperluan mengecat semula bangunan

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan bangunan-bangunan di Kuala Lumpur ini sentiasa kelihatan indah, bersih dan terurus serta selamat kepada pengguna dan persekitarannya, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menggariskan beberapa langkah seperti berikut:

i) Bangunan yang didapati terbiar dan dalam keadaan usang akan diberikan notis (Akta Kerajaan Tempatan Seksyen 75) supaya tindakan untuk membaikpulih atau diroboh dapat dilaksanakan.

ii) Bagi bangunan-bangunan yang mempunyai ketinggian melebihi 5 tingkat dan telah memperolehi Perakuan Menduduki (CFO) selepas 10 tahun dan selepas daripada itu pada tempoh yang tidak lebih dari 10 tahun dari tarikh penyempurnaan pemeriksaan yang terakhir, akan dikeluarkan notis untuk menjalankan pemeriksaan berkala oleh seorang Jurutera bagi pemeriksaan visual dan penyiasatan Struktur.

iii) Aspek bangunan dari segi fasad.

a) <u>Bangunan yang mempunyai hakmilik strata.</u>
Tanggungjawab pengurusan bangunan adalah di bawah pihak Perbadanan Pengurusan (Management Corporation). Pihak pengurusan bangunan perlu memastikan fasad bangunannya sentiasa diselenggarakan dan berada dalam keadaan bersih dan kelihatan indah. Pesuruhjaya Bangunan (COB) pula akan memantau pelaksanaan dan mengambil tindakan mengikut Akta Bangunan dan Harta

Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663).

b) Bangunan persendirian.

DBKL telah melaksanakan satu program khas untuk menangani masalah ini, di mana bangunan-bangunan yang dikenalpasti diberikan notis di bawah Seksyen 75, Akta Kerajaan Tempatan kepada pemilik bangunan supaya mempertingkatkan keadaan bangunan. Jika pemilik bangunan berkenaan gagal mematuhi arahan tersebut, pihak DBKL akan melaksanakan kerja dan kosnya akan dituntut daripada pemilik-pemilik bangunan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua,

DBKL juga menjalankan **Program Mengecat Semula Bangunan Usang** bagi bangunan-bangunan yang berkenaan dan bagi tempoh 2006 hingga 2007 sebanyak 11 premis telah dicat bagi tujuan memperindah bangunan tersebut. Antara bangunan yang dikenal pasti untuk dicat semula pada masa ini adalah:

i) Perumahan Sri Cendekia, Taman Connought, Cheras;

ii) Rumah Pangsa Miharja, Jalan Loke Yew;dan

iii) Rumah-rumah pangsa 4 tingkat di sekitar Jalan San Peng, Jalan Bukit Bintang dan Jalan Pudu.

Semua program ini dilaksanakan secara berterusan sehingga mencapai sasaran agar bangunan-bangunan di Kuala Lumpur berada di dalam keadaan kemas dan cantik.

Sehubungan dengan tugas **Pesuruhjaya Bangunan** atau *Commissioner of Building (COB)* yang ditubuhkan di bawah Akta 663 (Akta Bangunan dan Harta Bersama 2007), pihak Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mengambil tindakan untuk membuat senarai harta bangunan berstrata di Kuala Lumpur supaya pihak-pihak yang sepatutnya bertanggungjawab terhadap kerja-kerja pengurusan dan penyelenggaraan di bangunan-bangunan tersebut dapat diketahui. Senarai harta bangunan berstrata ini akan disediakan mengikut kategori samaada di bawah tanggungjawab pemaju, Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC). Sejumlah 211,113 harta kediaman berstrata terlibat dalam proses penyenaraian tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta 663 ini baru dikuatkuasakan pada tahun 2007. Pada masa ini, pihak Pesuruhjaya Bangunan menjalankan tugas-tugas

penyeliaan dan pengawasan mengikut peruntukan Akta berkenaan terhadap pengurusan bangunan berdasarkan kepada aduan-aduan yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, bilangan aduan tentang masalah perumahan yang diterima oleh pihak Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur) adalah lebih kurang **40 hingga 50 aduan bertulis setiap hari**. Sebahagian besar aduan adalah berkaitan perkara-perkara mengenai perjalanan Perbadanan Pengurusan (MC), permohonan Badan Pengurusan Bersama (JMB), aduan penyelenggaraan dan pengurusan bangunan.

Sejak Bahagian Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur ditubuhkan sebagai sebahagian daripada Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mulai Julai 2007, sebanyak **2108 aduan bertulis** telah diterima. Di samping itu, pihak jabatan ini juga menerima aduan-aduan awam yang datang secara bersemuka atau melalui telefon.

Pada masa ini fungsi dan tugas Pesuruhjaya Bangunan Kuala Lumpur ini dikendalikan oleh 9 orang Pegawai Penilaian dan kakitangan-kakitangan sediaada disamping

menjalankan tugas hakiki masing-masing. Walau bagaimanapun, pihak DBKL telahpun mengambil tindakan untuk melantik pegawai-pegawai dan kakitangan secara kontrak seramai 25 orang dari berbagai gred dan dijangka melaporkan diri dalam masa terdekat.

NO: 44

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

Daripada : YB. TUAN DR. MOHAMED HAYATI BIN OTHMAN [Pendang]

Tarikh : 7 Julai 2008

Soalan : 44

YB. Tuan Dr. Mohamed Hayati Othman meminta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah hasil kajian oleh angkasawan Malaysia yang sedang dijalankan di Jepun dan di Malaysia sekarang ini serta faedah pulangan kepada rakyat hasil dari kajian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Program Angkasawan Negara telah dilaksanakan dengan jayanya pada Oktober 2007 yang lalu. Kejayaan Program ini merupakan sesuatu yang amat membanggakan dan memberi faedah yang amat besar kepada Negara.

Tuan Yang DiPertua,

Penyelidikan saintifik yang telah dijalankan oleh angkasawan Malaysia adalah hasil daripada program penyelidikan sains mikrograviti yang dijalankan oleh kumpulan penyelidik daripada UKM, UM, UPM, UiTM, MARDI dan Institut Perubatan Penerbangan, MINDEF. Dari analisa awal yang telah dilakukan, semua kajian saintifik yang dijalankan telah menunjukkan hasil yang amat memberangsangkan, malahan beberapa hasil kajian tersebut telah berjaya difailkan untuk paten di Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun. Di samping itu juga, sekurang-kurangnya satu *technology spin-off* akan dikomersilkan.

Angkasawan Negara juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila beliau telah diminta untuk melaksanakan beberapa uji kaji saintifik oleh agensi angkasa antarabangsa seperti JAXA dan ESA.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, antara kajian lain yang dilakukan di angkasa oleh angkasawan pertama negara dan mendapat kerjasama dengan penyelidik di negara Jepun ialah Penghabluran Protein di angkasa (*Protein Crystallization in space*) yang menggunakan protein lipase yang dipencilkan (*isolated*) yang diperolehi daripada kumbahan kilang memproses sawit (*palm mail effluent*) di Semenyih, Selangor.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, protein *lipase* merupakan enzim yang terpenting yang digunakan dalam industri pembuatan sabun atau pembersih (*detergent*), formulasi makanan (seperti rendah lemak, ais krim, mayonis dan sos), makanan haiwan, farmaseutikal, industri tekstil dan

pemprosesan kertas. Selama ini penghasilan enzim industri ini dikuasai oleh negara-negara Eropah, Amerika Utara, Jepun, Rusia dan China; dan tidak ada syarikat tempatan yang menghasilkan enzim ini secara komersial walaupun pasarannya meluas dan sentiasa berkembang. Di peringkat pasaran global, penggunaan enzim industri ini dijangka meningkat kepada US$2.25 bilion pada tahun 2009 berbanding US$1.8 bilion pada tahun 2002. Pihak industri di Malaysia bergantung sepenuhnya kepada enzim yang diimport oleh Novozymes (M) Sdn Bhd yang merupakan anak syarikat Novo Nordisk (Denmark) dan jumlah jualan tahunannya ialah US$600 juta setahun.

Dengan yang demikian, faedah dan pulangan kepada rakyat hasil daripada kajian yang dijalankan oleh angkasawan tersebut sememangnya tidak dapat dinafikan. Hal ini adalah kerana dengan memahami perkembangan struktur enzim dalam kajian yang dijalankan ini diharap akan menyumbang kepada penghasilan enzim industri oleh negara kita sendiri untuk memenuhi pasaran dunia.

LAMPIRAN N

SOALAN 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH [LIMBANG]**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008**
SOALAN	:	**Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan:**

bilakah kawasan Bukit Buda di Limbang akan dipromosikan dan dibuka kepada orang ramai sebagai sebuah kawasan tarikan pelancong dan adakah Kementerian membantu menyediakan peruntukan bagi pembinaan infrastruktur menuju ke kawasan dan membina prasarana-prasarana di kawasan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dimaklumkan bahawa pembangunan sesuatu produk pelancongan di negeri-negeri adalah dibawah pihak Kerajaan Negeri/Agensi yang berkenaan. Berhubung dengan kawasan Bukit Buda, Kementerian tidak menyediakan peruntukan infrastruktur bagi membangunkan kawasan berkenaan di bawah peruntukan Rancangan Malaysia ke Sembilan (RMK-9). Walau bagaimana pun Kementerian ada menyediakan peruntukan sebanyak RM 3 juta bagi membantu pihak Kerajaan Negeri Sarawak dalam penyediaan kemudahan-kemudahan pelancongan untuk kawasan Bukit Hitam Limbang, Dataran Bandar Limbang dan kemudahan di Taman Tasik Limbang. Kemudahan-kemudahan ini melibatkan penyediaan laluan pejalan kaki, pondok rehat, tandas awam, pelampuan, landskap

dan sebagainya.

Bagi promosi dikawasan Bukit Buda, Kementerian akan mengenalpasti kesesuaian kawasan berkenaan untuk dipromosi.

SOALAN NO: 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN: **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]**

TARIKH : **ISNIN, 7 JULAI 2008**

RUJUKAN : **17**

SOALAN :

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bilangan projek DBKL dan Kerajaan pusat di Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya sejak 2000 hingga 2015 dan jumlah perbelanjaannya. Apakah bilangan projek terbengkalai dan langkah-langkah untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, bilangan projek yang telah dilaksanakan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 2000 sehingga Mei 2008 ialah 398 projek dengan jumlah perbelanjaan sebanyak **RM4,450.99 juta**. Bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya pula, sebanyak 139 projek telah dan sedang dilaksanakan oleh Perbadanan Putrajaya dengan jumlah perbelanjaan **RM7,631.53 juta.** Bagi tempoh yang sama, sebanyak 195 projek telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan dengan perbelanjaan **RM516.69 juta.** Bilangan projek yang dinyatakan ini adalah projek yang dilaksanakan dalam RMK-8 dan RMK-9 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tiada projek yang dilaksanakan oleh DBKL dan kerajaan pusat berada dalam keadaan terbengkalai. Namun begitu, sehingga April 2008, terdapat 10 buah projek daripada sejumlah 38 projek swasta yang dikenalpasti masih lagi terbengkalai di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di Wilayah Persekutuan Putrajaya pula, hanya terdapat satu projek swasta yang masih terbengkalai, iaitu di Presint 11 yang melibatkan 259 unit kediaman dan 12 unit kedai pejabat. Manakala bagi

Wilayah Persekutuan Labuan pula, cuma terdapat satu projek swasta yang terbengkalai iaitu Projek Perumahan Seirra Estate di Jalan Rancha-Rancha.

Antara sebab projek-projek ini terbengkalai ialah pemaju mempunyai masalah kewangan, pemaju mempunyai masalah dengan rakan usahasama atau pemaju mencari rakan usahasama yang baru, masalah lokasi tidak sesuai, pinjaman bank masih tertangguh, projek masih dalam kes mahkamah oleh kontraktor terdahulu dan lain-lain.

Kementerian Wilayah Persekutuan telah **menubuhkan dua buah jawatankuasa bagi menangani masalah serta isu yang berkaitan dengan projek terbengkalai.** Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah **Jawatankuasa Pemandu Menangani Masalah Projek Terbengkalai** di Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Y.B Menteri Wilayah Persekutuan dan **Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Projek Terbengkalai** di Wilayah Persekutuan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan.

Peruntukan undang-undang yang boleh digunakan ialah di bawah *Housing Development Act* iaitu di bawah bidang

kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Bagi projek-projek yang mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah satu pihak di dalam perjanjian pembangunan projek berkenaan, peruntukan mengenai kemungkiran di pihak pemaju dimasukkan di bawah perjanjian selain dari peruntukan mengenai penamatan perjanjian berkenaan apabila berlaku kemungkiran terma-terma dan syarat-syarat perjanjian seperti kegagalan menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan dan dipersetujui bersama.

Soalan No. 47

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD. TAIB (BALING)**

TARIKH : **7 JULAI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan berapa banyak jalan-jalan di kawasan luar bandar yang masih belum menerima kemudahan lampu jalan dan bilakah kemudahan ini akan dapat dilaksanakan sepenuhnya.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat,

Skop pelaksanaan projek Lampu Jalan Kampung (LJK) di bawah Kementerian ini adalah pemasangan maksima 10 unit lampu jalan di tiang elektrik sedia ada disepanjang jalan utama dalam kampung, dengan tumpuan lokasi di hadapan bangunan awam seperti di hadapan surau atau masjid, balairaya dan sekolah-sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pemasangan lampu di jalan-jalan persekutuan dan jalan negeri tidak terangkum di bawah skop projek Kementerian ini.

Sehingga kini, Kementerian telah melaksanakan projek LJK di bawah tiga (3) fasa di Semenanjung Malaysia dan Sabah, manakala dua (2) fasa di Sarawak.

Kementerian telah melaksanakan sejumlah 154,810 unit lampu di seluruh negara yang melibatkan 23,411 buah kampung dan sehingga kini masih menerima permohonan projek LJK daripada negeri-negeri.

Memandangkan peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat terhad, pelaksanaan baki permohonan projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

SOALAN NO. (48)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI)

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. TUAN ER TECK HWA (BAKRI) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan syarat dan infrastruktur asas yang diperlukan untuk diiktiraf sebagai perbandaran. Adakah "garbage incinerator" terkini, kompleks sukan yang bertaraf antarabangsa (kolam renang), kemudahan pengangkutan pengangkutan awam yang sistematik diperlukan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyediakan satu panduan yang mengandungi kriteria-kriteria bagi tujuan naik taraf sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antara kriteria utama bagi membolehkan sebuah PBT dinaiktaraf kepada perbandaran adalah jumlah penduduk tidak kurang daripada 150,000 orang, hasil tahunan tidak kurang daripada RM20 juta dan mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan. Kriteria yang diwujudkan ini adalah untuk memastikan PBT yang telah dinaiktaraf berupaya memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat serta mampu meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat. Walau bagaimanapun, pertimbangan khas boleh diberikan atas perakuan Kerajaan Negeri ke atas mana-mana cadangan naik taraf PBT berasaskan dasar-dasar tertentu.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Julai 2008

NO SOALAN: 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN ALI [GOMBAK]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN:

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa empat kenyataan bercanggah berkenaan "*indelible ink*" telah dikeluarkan oleh Pengerusi SPR, Ketua Polis Negara, Menteri Dalam Negeri dan Perdana Menteri sendiri.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang DiPertua,

Persepsi percanggahan ini mungkin berpunca daripada kenyataan Pengerusi SPR berbanding dengan pendirian Jemaah Menteri. Pengerusi SPR telah dilaporkan sebagai mengatakan bahawa SPR telah diarah untuk membatalkan penggunaan dakwat kekal atau "indelible ink" dalam pilihanraya yang lalu. Dalam realiti, Jemaah Menteri tidak pernah mengarah Pengerusi SPR untuk berbuat demikian; oleh itu kenyataan Pengerusi SPR dirasakan adalah kurang tepat. Benar, Jemaah Menteri tidak menyokong cadangan penggunaan dakwat kekal tetapi Jemaah Menteri hanya meminta Pengerusi SPR menimbangkan perkara tersebut, dengan mengambilkira isu bahawa pelaksanaan dakwat kekal mungkin akan bercanggah dengan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Perkara ini berbangkit dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dua minggu sebelum pembubaran Parlimen.

Peruntukan Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan telah menjamin hak seseorang pemilih berdaftar untuk mengundi tanpa syarat termasuk syarat mencalit jari dengan dakwat kekal. Hak untuk memilih tidak boleh dinafikan kepada pemilih yang tidak mahu mencalit jari mereka atau mereka yang telah dicalit jarinya. Hak untuk mengundi hanya boleh dinafikan jika pemilih berdaftar hilang kelayakan untuk mengundi di bawah undang-undang.

SPR diberitahu oleh Jemaah Menteri mengenai isu ini dan SPR telah kembali dengan cadangan bahawa mereka akan menyediakan borang sumpah di setiap tempat mengundi bagi mereka yang telah mengundi tetapi tidak mahu dicalit. Jemaah Menteri telah menjawab balik bahawa cadangan ini tidak akan dapat mengelak daripada pengundian dua kali. Walaubagaimanapun, samada tindakan untuk meneruskan atau tidak masih terpulang kepada SPR sebagai badan yang bebas*.

Berkenaan kenyataan dari Ketua Polis Negara dan Menteri Dalam Negeri pula, Kerajaan berpendapat bahawa sebenarnya tiada percanggahan. Ketua Polis Negara menyatakan bahawa pihak PDRM telah menerima empat laporan berasingan tentang rancangan untuk sabotaj proses pilihanraya dengan menggunakan dakwat kekal di Perlis, Kedah dan Kelantan**. Ketika pihak Polis masih lagi menyiasat laporan-laporan tersebut, pihak SPR telah membatalkan penggunaan dakwat kekal pada 5 Mac 2008. Setelah siasatan dilakukan, pihak Polis tidak mendapati bukti yang cukup kukuh untuk menyokong laporan-laporan tersebut; dapatan inilah yang terkandung di dalam jawapan Menteri Dalam Negeri ke Dewan Rakyat pada 7 Mei 2008.

Kerajaan menghormati SPR sebagai badan bebas dan jika ada percanggahan, Kerajaan akan menjelaskan apa yang berlaku dari sudut Kerajaan. Namun begitu, Kerajaan benar-benar berharap bahawa SPR akan menjauhi daripada kenyataan-kenyataan yang mungkin mengelirukan, demi kredibiliti institusi Suruhanjaya dan proses pilihanraya berdemokratik negara.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)

TARIKH : 7.7.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT) minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah kajian telah dijalankan secara komprehensif terhadap sistem sekolah bercampur lelaki/perempuan dari aspek keputusan peperiksaan, ko-kurikulum, disiplin dan jenayah moral.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Buat masa ini Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tiada kajian secara komprehensif terhadap sistem sekolah bercampur (murid lelaki dan perempuan). Namun, pemantauan dan laporan yang dijalankan oleh pihak Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah serta pihak sekolah mendapati prestasi murid dalam peperiksaan dan juga kokurikulum sesebuah sekolah tidak bergantung kepada jenis sekolah tersebut sama ada satu jantina dan juga sekolah bercampur.

Walau bagaimanapun dari aspek disiplin dan jenayah moral murid, KPM mendapati terdapat perbezaan yang ketara terhadap penglibatan murid dalam kes tersebut antara murid lelaki dan perempuan. Sebagai contoh, pada tahun 2007, jumlah murid lelaki yang terlibat berada pada kadar 1.52%, manakala murid perempuan pada kadar 0.65%. Nisbah kes yang melakukan kesalahan

disiplin antara murid lelaki dan perempuan pula, bagi murid lelaki adalah 79.1% dan murid perempuan 20.9%.

SOALAN NO: 51

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN TAN KOK WAI

TARIKH: 7 JULAI 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [Cheras] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sepuluh (10) jawatan/kerjaya sepenuh masa yang bayaran gaji bulanannya sangat rendah setiap tahun bagi tempoh 5 tahun lalu dan bagaimanakah Kerajaan membantu untuk meningkatkan tangga gaji dan kualiti hidup mereka.

PR-1212-L13442

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah menjalankan Kajian Guna Tenaga Kebangsaan atau *National Employment Return* (NER) tahun 2007. Kajian ini berdasarkan gaji bagi bulan Mei tahun 2007 serta berdasarkan kepada sembilan (9) kategori pekerjaan. Sembilan kategori pekerjaan tersebut meliputi semua kategori pekerjaan iaitu seperti berikut:-

1) Pegawai Kanan dan Pengurus,

2) Profesional,

3) Juruteknik dan Profesional Bersekutu,

4) Pekerjaan Perkeranian,

5) Pekerja Perkhidmatan, Pekerja Kedai dan Jurujual

6) Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan,

7) Pekerja Pertukangan yang berkaitan,

8) Operator Loji dan Mesin dan Pemasang

9) Pekerjaan Asas.

Kategori pekerjaan yang menerima purata pendapatan bulanan yang terendah ialah Pekerjaan Asas iaitu sebanyak RM 619.62 sebulan dan diikuti oleh kategori pekerjaan Pekerja Mahir Pertanian dan Perikanan iaitu sebanyak RM 675.17 sebulan.

Tuan Yang Di Pertua,

KSM sedar bahawa terdapat pekerja yang menerima gaji yang tidak setimpal dengan pekerjaan yang dilakukan atau golongan pekerja yang mudah terjejas (*vulnerable*) iaitu yang bekerja di sektor-sektor yang tidak mempunyai satu mekanisme yang berkesan dalam menetapkan gaji dan syarat pekerjaan. Dalam perkara ini Kerajaan telah menubuhkan Majlis Penetapan Gaji (MPG) bagi menetapkan gaji minimum di bawah Perintah Peraturan Gaji *(Wage Regulation Order-WRO)*. Kerajaan berpendirian bahawa pendekatan mewujudkan gaji minimum perlu dijalankan secara berperingkat (*incremental*) mengikut sektor demi pembangunan ekonomi negara. Pada masa sekarang Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan 7 MPG yang sedang menjalankan kajian seperti berikut:

(i) Pengawal Keselamatan Swasta di Semenanjung Malaysia;

(ii) Pengawal Keselamatan Swasta di Sabah;

(iii) Pengawal Keselamatan Swasta di Sarawak;

(iv) Pembantu Klinik Swasta di Semenanjung Malaysia;

(v) Pembantu Klinik Swasta di Sabah;

(vi) Pekerja Am di Kebun Kecil di Sabah; dan

(vii) Pekerja Am di Kebun Kecil di Sarawak.

KSM juga bersedia menimbang dan mengkaji semula perintah-perintah yang telah dikeluarkan oleh MPG sedia ada sekiranya perlu. Bagi memastikan majikan sentiasa mematuhi segala peruntukan undang-undang perburuhan, aktiviti penguatkuasaan sentiasa dijalankan oleh KSM melalui jabatan-jabatan di bawahnya.

NO. SOALAN: 52

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. PUAN FUZIAH BINTI SALLEH**

TARIKH : **7 JULAI 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

YB. PUAN FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah bilangan aduan yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam (BPA) bagi tahun 2006, 2007 dan 2008. Dan berapakah jumlah yang telah diselesaikan dalam tahun-tahun yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2006

Bagi tempoh 1 Januari 2006 hingga 31 Disember 2006, Biro Pengaduan Awam (BPA) telah menerima sebanyak 3,397 aduan sebenar. Daripada jumlah ini 1,965 aduan adalah terhadap Kerajaan Persekutuan dan 1,432 aduan adalah terhadap Kerajaan Negeri. Sebanyak 2,936 aduan yang diterima dalam tahun 2006 telah berjaya diselesaikan dalam tahun yang sama. Selain daripada itu, BPA juga ada menerima sebanyak 1,243 aduan yang berbentuk pertanyaan, khidmat nasihat atau pandangan yang dikategorikan sebagai Perkara Am.

TERIMA
07 JUL 2008
Setiausaha Bahagian
(Pengurusan Dewan)
Parlimen Malaysia

Tahun 2007

Bagi tempoh 1 Januari 2007 hingga 31 Disember 2007 pula, BPA telah menerima sebanyak 2,941 aduan sebenar. Daripada jumlah ini 1,788 aduan adalah terhadap Kerajaan Persekutuan dan 1,153 aduan adalah terhadap Kerajaan Negeri. Sebanyak 2,731 aduan yang diterima dalam tahun 2007 telah berjaya diselesaikan dalam tahun yang sama. Selain daripada itu BPA juga ada menerima sebanyak 2,406 aduan yang berbentuk pertanyaan, khidmat nasihat atau pandangan yang dikategorikan sebagai Perkara Am.

Tahun 2008

Setakat 31 Mei 2008 sebanyak 1,598 aduan sebenar telah diterima oleh BPA. Daripada jumlah ini sebanyak 876 aduan adalah terhadap Kerajaan Persekutuan dan 722 aduan adalah terhadap Kerajaan Negeri. Daripada jumlah ini sebanyak 829 aduan telah pun berjaya diselesaikan. Selain daripada itu BPA juga ada menerima aduan berbentuk Perkara Am sebanyak 1,803.

Maklumat yang lebih terperinci adalah seperti di Lampiran I dan Lampiran II

Lampiran I

MAKLUMAT TAMBAHAN

Jadual I: Bilangan Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Sebenar Terhadap Kementerian Yang Diterima Sendiri Oleh BPA Bagi Tahun 2006, 2007 dan 2008 (Setakat 31 Mei)

Bil.	Kementerian	2006		2007		2008 (Setakat 31 Mei)	
		Terima	Selesai	Terima	Selesai	Terima	Selesai
1.	Keselamatan Dalam Negeri*	194	174	223	192	99	40
2.	Tenaga, Air dan Komunikasi	183	161	188	179	91	37
3.	Pelajaran	164	146	133	122	60	39
4.	Jabatan Perdana Menteri	163	139	101	95	77	43
5.	Kerja Raya	159	137	132	131	67	36
6.	Kewangan	136	129	181	146	67	42
7.	Sumber Asli dan Alam Sekitar	121	114	127	124	43	23
8.	Kesihatan	110	94	98	87	53	41
9.	Wilayah Persekutuan	108	77	102	67	13	3
10.	Hal Ehwal Dalam Negeri	83	68	127	119	65	37
11.	Pertanian dan Industri Asas Tani	80	73	61	61	39	17
12.	Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	79	71	45	43	46	18
13.	Sumber Manusia	63	52	50	48	29	14
14.	Pengangkutan	58	50	40	39	21	10
15.	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	57	51	23	22	20	10

Bil.	Kementerian	2006		2007		2008 (Setakat 31 Mei)	
		Terima	Selesai	Terima	Selesai	Terima	Selesai
1.	Keselamatan Dalam Negeri*	194	174	223	192	99	40
16.	Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	55	53	40	40	12	2
17.	Pengajian Tinggi	39	31	28	27	13	8
18.	Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	35	32	39	35	34	22
19.	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	27	20	26	18	11	6
20.	Pertahanan	17	14	15	15	8	3
21.	Luar Negeri	7	6	6	6	2	1
22.	Belia dan Sukan	6	5	2	1	2	0
23.	Perusahaan Perladangan dan Komoditi	6	6	2	2	1	1
24.	Pelancongan	5	3	3	2	0	0
25.	Penerangan	4	3	11	7	1	0
26.	Perdagangan Antarabangsa dan Industri	3	3	1	1	1	1
27.	Kebudayaan, Kesenian dan Warisan**	2	0	3	3	1	0
28.	Sains, Teknologi dan Inovasi	1	1	1	1	0	0
	Jumlah	**1,965**	**1,713**	**1,788**	**1,633**	**876**	**454**

* kini dikenali sebagai Kementerian Dalam Negeri

** kini dikenali sebagai Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan

Lampiran II

Jadual II: Bilangan Penerimaan dan Penyelesaian Aduan Sebenar Terhadap Kerajaan Negeri Yang Diterima Sendiri Oleh BPA Bagi Tahun 2006, 2007 dan 2008 (Setakat 31 Mei)

Bil.	Negeri	2006		2007		2008 (Setakat 31 Mei)	
		Terima	Selesai	Terima	Selesai	Terima	Selesai
1.	Selangor	472	378	285	281	128	75
2.	Johor	250	218	221	213	109	69
3.	Perak	193	182	95	89	61	35
4.	Kelantan	95	90	63	63	36	29
5.	Terengganu	84	64	52	51	23	17
6.	Pahang	77	67	103	103	91	18
7.	Pulau Pinang	74	65	88	85	87	62

Bil.	Negeri	2006		2007		2008 (Setakat 31 Mei)	
		Terima	Selesai	Terima	Selesai	Terima	Selesai
1.	Selangor	472	378	285	261	128	75
8.	Kedah	68	64	173	165	90	40
9.	Negeri Sembilan	40	35	35	33	20	11
10.	Sabah	34	18	0	0	3	2
11.	Perlis	23	23	5	5	52	4
12.	Melaka	9	8	29	26	22	13
13.	Wilayah Persekutuan	8	8	1	1	0	0
14.	Sarawak	5	3	3	3	0	0
	Jumlah	1,432	1,223	1,153	1,098	722	375

Soalan No : 53

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM (BUKIT GANTANG)**

TARIKH : **7.7.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN ROSLAN BIN SHAHARUM (BUKIT GANTANG) minta Menteri Pelajaran menyatakan kesan negatif penglibatan pelajar dalam acara Hari Kebangsaan yang berjalan sebulan menjelang 31 Ogos.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Mempelajari tentang kemerdekaan tanah air merupakan salah satu aspek yang diajar dalam mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan, Sejarah dan Kajian Tempatan. Di samping itu juga, aspek ini ditekankan dalam aktivti kokurikulum khususnya bagi murid-murid yang mengikuti kelab dan badan beruniform sekolah. Sehubungan itu, bagi menanamkan lagi pemahaman murid terhadap aspek kemerdekaan tanah air, penglibatan murid dalam sambutan kemerdekaan amat ditekankan sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri dan di peringkat Kebangsaan.

Aktiviti-aktiviti yang melibatkan murid dalam sambutan kemerdekaan antaranya ialah kuiz kemerdekaan, mengarang esei hari kemerdekaan, pidato dan sajak kemerdekaan, Pertandingan Jalur Gemilang, sambutan ambang Merdeka, dan dalam acara perbarisan Hari Kemerdekaan.

KPM berpadangan adalah tidak benar kenyataan bahawa terdapatnya kesan negatif penglibatan murid sempena sambutan Hari Kebangsaan. Malahan penglibatan mereka akan dapat meningkatkan semangat patriotik, menanamkan nilai-nilai cintakan tanah air, jati diri serta amalan perpaduan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyertaan murid dalam sebarang aktiviti kokurikulum terutamanya yang memerlukan murid meninggalkan premis sekolah, adalah dengan pengetahuan dan kelulusan Pengarah Pelajaran Negeri serta kebenaran daripada ibu bapa murid. Di samping itu, pihak sekolah akan mengadakan kelas-kelas tambahan kepada murid-murid yang terlibat bagi memastikan pembelajaran mereka tidak terjejas. Pihak sekolah juga sentiasa diberi peringatan untuk memberi penerangan yang sewajarnya berkaitan penglibatan murid dalam sebarang aktiviti luar bilik darjah demi menjaga nama baik sekolah khasnya dan juga Kementerian Pelajaran, amnya.

SOALAN NO: 54

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008**
RUJUKAN	:	**1102**

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tahanan wanita dan lelaki yang telah dilaksanakan dan masih menunggu hukuman gantung untuk dilaksanakan sejak tahun 2000 sehingga tarikh 1Jun 2008 mengikut butiran kesalahan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini bersama dengan soalan daripada Yang Berhormat Kelana Jaya juga yang bertarikh 7 Julai 2008 kerana ia menyentuh perkara yang sama. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut statistik Jabatan Penjara yang berakhir pada 1 Jun 2008, jumlah reman bagi mereka yang masih di peringkat perbicaraan dan jika disabitkan bersalah oleh mahkamah boleh dikenakan hukuman mati adalah seramai 1,116 orang. Daripada jumlah ini, seramai 17 orang dibicarakan di bawah Akta Senjata Api; 730 orang dibicarakan di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan; 13 orang dibicarakan di bawah Akta Colek; dan 356 orang dibicarakan di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya. Bagi tempoh dari tahun 1999 hingga Jun 2008, sebanyak 8 hukuman mati telah dilaksanakan terhadap banduan yang didapati

bersalah di bawah Akta Dadah Berbahaya dan kesemua jumlah ini melibatkan banduan lelaki sahaja.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk tempoh tahun 2000 hingga 1 Jun 2008, Jabatan Penjara telah melaksanakan sebanyak 19 hukuman mati ke atas banduan. Daripada jumlah ini, hanya 1 hukuman mati melibatkan banduan wanita yang didapati bersalah kerana membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan. Sementara bagi baki 18 hukuman mati yang melibatkan banduan lelaki, 6 orang telah didapati bersalah kerana membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, 8 orang didapati bersalah kerana mengedar dadah di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya dan 4 orang didapati bersalah di bawah Seksyen 121 Kanun Keseksaan kerana melancarkan peperangan terhadap Yang Di Pertuan Agong.

NO: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIANG TECK MENG
(SIMPANG RENGGAM)

TARIKH : 07 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN : 55

Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah status kewangan KTM Berhad pada tahun 2005, 2006, 2007 dan apakah pendekatan yang diambil untuk mendapatkan keuntungan di samping meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kedudukan kewangan KTMB bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti berikut:

Tahun	Kerugian (RM juta)
2005	131
2006	104
2007	116

Bagi mengurangkan kerugian dan meningkatkan mutu perkhidmatan, KTMB telah dan akan mengambil beberapa langkah serta tindakan seperti berikut:

i. melaksanakan beberapa projek utama seperti Projek Landasan Berkembar Elektrik (LBE) Sentul – Batu Caves, LBE Ipoh – Padang Besar, perolehan *Train – Set* (ETS) bagi Perkhidmatan Tren Pantas Kuala Lumpur – Ipoh, perolehan 8 set *Electric Multiple Unit* (EMU) yang baru, pembaikpulihan 50 set EMU dan pembinaan Bengkel dan Pusat Latihan KTMB di Batu Gajah.

ii. menambah kapasiti pergerakan tren barang terutama simen dan kontena serta merebut peluang perniagaan baru melalui rel terutama kargo yang bermutu tinggi dengan jarak yang lebih jauh;

iii. memperkenalkan semula perkhidmatan Ekspres Gading Mas (KL-Tumpat-KL), tren Kembara (Gemas-Singapura-Gemas) dan tren Lambaian Timur (Singapura- Gua Musang-Singapura);

iv. pembukaan stesen baru seperti MidValley (Ogos 2004), Kepong Sentral (Julai 2006) serta memulakan perkhidmatan *shuttle* Komuter antara Rawang – Kuala Kubu Baharu bermula April 2007 dengan kekerapan setiap 30 minit;

v. akan memperkenalkan perkhidmatan Komuter ke Tanjung Malim dan perkhidmatan Tren Elektrik Pantas Kuala Lumpur - Ipoh;

vi. menaik taraf kemudahan stesen Komuter untuk memberi keselesaan kepada para pengguna seperti surau, pembinaan lif, pembesaran ruang lobi, pemasangan kanopi, menambah baik tempat letak kereta, kemudahan *ramp* untuk OKU dan pembinaan kiosk; dan

vii. melaksanakan latihan ulang kemas (*refresher*) secara berterusan kepada kakitangan barisan hadapan (*front desk officer*).

SOALAN : 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. HIEW KING CHEU (KOTA KINABALU)

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. Dr Hiew King Cheu (Kota Kinabalu) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci (*detailed breakdown*) tambahan RM1 bilion kepada Dana Pembangunan Persekutuan yang diumumkan oleh Perdana Menteri di Kota Kinabalu pada 31 Mei 2008. Bagaimanakah dana ini akan diagihkan dan digunakan. Bilakah negeri Sabah akan menerima dana ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Peruntukan tambahan sebanyak RM1 bilion kepada negeri Sabah yang diumumkan oleh Yang Amat berhormat di Kota Kinabalu adalah khusus untuk projek-projek infrastruktur asas di Sabah. Projek-projek tersebut adalah dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Sabah sendiri iaitu termasuk:

i. Bekalan air Keningau;
ii. Bekalan air Beaufort;

iii. Bekalan air Kundasang;
iv. Pembentungan; dan
v. Jalanraya dan jambatan.

Peruntukan berkenaan akan disalurkan kepada agensi pelaksana yang berkaitan sebaik sahaja pihak pelaksana bersedia melaksanakan projek berkenaan.

SOALAN NO. (57)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK WAN ABDUL RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU)

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DATUK WAN ABDUL RAHIM BIN WAN ABDULLAH (KOTA BHARU) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** berapakah jumlah geran yang diberikan oleh Kerajaan kepada Pihak Berkuasa Negeri Kelantan untuk pembinaan Rumah Awam Kos Rendah (PAKR) di negeri tersebut sejak tahun 1990.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Sejak tahun 1990, di bawah Program Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), geran pinjaman sebanyak RM18,101,896.00 telah dikeluarkan kepada Negeri Kelantan untuk pembinaan rumah-rumah awam kos rendah.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Julai 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
[KUBANG KERIAN]

TARIKH : 7 JULAI 2008

RUJUKAN : 1103

SOALAN :

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan nama-nama anggota polis yang cuba dilanggar atau telah dilanggar dalam insiden yang didakwa polis sebagai kejadian rusuhan dan pergaduhan yang berlaku pada malam 27 Mei lalu di Bandar Mahkota Cheras (BMC), di manakah mereka dirawat dan nyatakan juga nama doktor atau pegawai perubatan yang merawat mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Kubang Kerian yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada malam kejadian di Bandar Mahkota Cheras, anggota polis yang cuba dilanggar adalah Sarjan Fariz bin Abdul Samad. Sementara anggota polis yang telah dilanggar ketika rusuhan dan pergaduhan itu berlaku adalah Konstabel Mohd Azmiey bin Ahmad Sufian yang mengalami kecederaan terseliuh ibu jari kanan dan Konstabel Mohd Firdaus Bin Abdul Rashid yang mengalami kecederaan di paha kanan.

Kedua-dua anggota polis ini telah dilanggar ketika membentuk barisan FRU yang terdiri seramai 25 orang untuk mengawal ketenteraman awam. Mereka yang cedera ini juga telah dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Kajang dan butiran doktor yang merawat perlu dilindungi kerana beliau bakal menjadi saksi sekiranya kes ini dihadapkan ke Mahkamah kelak. Suspek yang terlibat dalam kejadian ini iaitu Chang Chun Hour telah dituduh di bawah Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu secara melulu dan merbahaya.

NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**Bagi Jawab Lisan**
DARIPADA	:	**Tuan Ahmad bin Kassim**
TARIKH	:	**7 Julai 2008 (Isnin)**
SOALAN	:	**59**

Tuan Ahmad bin Kassim [Kuala Kedah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

(a) menjelaskan langkah-langkah keselamatan yang telah dilaksanakan ke atas feri pengangkutan awam khususnya feri ke Pulau Langkawi; dan

(b) apakah usaha Kementerian untuk membantu pengusaha feri bagi meningkatkan mutu perkhidmatan mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian amat memandang berat aspek keselamatan penumpang-penumpang feri, di mana Jabatan Laut Semenanjung Malaysia:-

i. menjalankan pemeriksaan ataupun *survey* berkala ke atas feri-feri yang beroperasi bagi memastikan feri selamat serta mematuhi peraturan-peraturan yang diguna pakai;
ii. memastikan semua feri yang beroperasi dianggotai oleh anak-anak kapal yang berkelayakan; dan
iii. menganjurkan kempen dan kursus kesedaran keselamatan mengenai tanggungjawab dan peranan di dalam pengurusan keselamatan pengangkutan feri awam kepada pengusaha, anak-anak kapal dan pengguna feri.

Penguatkuasaan secara berterusan dilakukan oleh Jabatan Laut bagi memastikan feri-feri penumpang yang beroperasi di antara tanah besar ke Langkawi sentiasa berada di dalam keadaan selamat dan mematuhi peraturan-peraturan yang terpakai.

Mengenai usaha untuk membantu pengusaha-pengusaha feri meningkatkan mutu perkhidmatan mereka, saya ingin memaklumkan bahawa Jabatan Laut sentiasa mengehendaki pengusaha-pengusaha memberi perhatian kepada keselesaan

penumpang. Jabatan Laut telah memperkenalkan satu sistem penilaian "*On-time Performance Rating*" bagi menggalakkan pengusaha feri memastikan bahawa feri-feri mereka berlepas mengikut jadual. Perkhidmatan feri ke Pulau Langkawi mempunyai purata "*On-time Performance Rating*" setinggi 86.88% bagi tempoh Jun 2007 hingga Mac 2008.

Jabatan Laut juga akan menganjurkan kempen kesedaran keselamatan secara berterusan, selain mengadakan *road show* dan taklimat mengenai sistem pengurusan keselamatan kapal kepada semua pengusaha feri bermula dalam bulan Julai 2008.

Kementerian Pengangkutan dan JLSM sentiasa komited untuk mempertingkatkan lagi keadaan serta kemudahan di terminal feri di seluruh negara termasuk di Langkawi. Justeru itu, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, kerja-kerja menaik taraf jeti-jeti penumpang dan gunasama di Kuala Perlis dan Kuah, Langkawi dijangka akan mula dilaksanakan dalam tahun ini. Antara lainnya, ia akan melibatkan pembaikan struktur jeti dan kerja-kerja naik taraf sistem alat hawa pendingin di terminal.

Soalan NO: 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **DATUK ZAHRAIN MOHAMED BIN HASHIM (BAYAN BARU)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **07.07.2008**

Datuk Zahrain Mohamed bin Hashim (Bayan Baru) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai kah kontraktor rundingan terus yang gagal menyiapkan kontrak mereka dan apakah tindakan diambil terhadap kontraktor ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, mulai tahun 2006 sehingga 25 Jun 2008, seramai 243 kontraktor telah gagal menyiapkan projek berdasarkan Laporan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor. Daripada jumlah ini, seramai **4 kontraktor (1.64%)** adalah yang dilantik secara

rundingan terus, manakala bakinya seramai **239 kontraktor** melalui proses tender atau sebut harga.

Bagi syarikat/kontraktor yang gagal menyiapkan projek, PKK telah mengambil tindakan menahan syarikat terbabit daripada menyertai tender di semua Agensi/Jabatan Kerajaan serta menyenaraihitamkan penama Ahli Lembaga Pengarah Syarikat dan Pemegang Ekuiti/Saham syarikat/kontraktor berkenaan.

SOALAN NO: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 7 JULAI 2008

RUJUKAN : 1104

SOALAN:

Tuan Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) pemaju yang membangunkan tiga keping tanah milik PDRM dalam Majlis Perbandaran Sungai Petani dan apa pulangannya kepada PDRM; dan

(b) jika ada pulangan, adakah PDRM berpuas hati. Jika tidak berpuas hati, apa tindakan selanjutnya.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Y.B. dari Sungai Petani, yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Untuk makluman Yang Berhormat, pemaju yang membangunkan tiga keping tanah milik PDRM dalam Majlis Perbandaran Sungai Petani ialah Syarikat Nice Saga Sdn. Bhd. melalui perjanjian penswastaan. Tanah-tanah yang terlibat sepertimana dalam perjanjian ialah :-

(a) Sebahagian Lot 5257 dan 18482, Mukim Sungai Petani,

(b) Lot 15, Mukim Sungai Petani; dan

(c) Lot 2006 Mukim Sungai Petani.

Sebagai pulangan, sepertimana dalam perjanjian penswastaan, pemaju akan membina 3 (tiga) buah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) iaitu IPD Kuala Muda, IPD Pendang dan IPD Yan. Kos yang terlibat untuk membina ketiga-tiga IPD ini berjumlah RM109 juta. Pemaju telah berjaya menyiapkan IPD Kuala Muda dengan kos RM 53,671,709.00 pada 2004, sementara bagi IPD Pendang projek ini telah terbengkalai dan kemajuan kerja yang dicapai hanya sekitar 28%. Bagi IPD Yan pula,

pemaju tidak memulakan apa-apa kerja untuk projek tersebut. Sehubungan dengan itu, nilai tanah yang diserahkan kepada pemaju adalah bersamaan dengan nilai kerja yang telah dilaksanakan oleh pemaju.

Tuan Yang Dipertua,

(b) Pulangan kepada perjanjian penswastaan ini kepada PDRM adalah IPD Kuala Muda yang bernilai RM 53,671,709.00. Sementara bagi IPD Pendang, projek ini telah terbengkalai dengan kemajuan kerja hanya mencapai sekitar 28%. Bagi IPD Yan pula, kontraktor masih belum memulakan apa-apa kerja ditapak yang dicadangkan. Kementerian tidak berpuashati dengan perjanjian ini dan melalui persetujuan bersama antara Kementerian Dalam Negeri, Unit Perancang Ekonomi dan pemaju, perjanjian penswastaan ini telah ditamatkan. Bagi meneruskan projek pembinaan IPD Pendang dan IPD Yan, Kementerian akan meneruskan pelaksanaan projek ini melalui kaedah konvensional di mana kedua-dua projek ini telah disenaraikan dalam butiran P06 Projek Perumahan Khas PDRM (Peruntukan JPM).

SOALAN NO. :62

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : **Y.B. Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi)**

TARIKH : **7 Julai 2008 (Isnin)**

SOALAN : **Y.B. Dato' Abu Bakar bin Taib (Langkawi)** meminta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

Adakah wujud cadangan untuk membangunkan sistem tanaman padi di Langkawi yang selama ini ditanam sekali setahun dan hanya bergantung kepada air hujan.

JAWAPAN:

Keluasan pasel padi di Langkawi adalah seluas 2,711 hektar dan diusahakan dengan tanaman sekali setahun. Walaubagaimanapun pada tahun 2007, penanaman padi dilaksanakan dua kali setahun dengan keluasan bertanam musim utama seluas 1,374 hektar dan luar musim seluas 2,234 hektar. Bagi memastikan penanaman padi dapat dijalankan dua kali setahun di Langkawi, pihak JPS telah merancang meningkatkan taraf system pengairan terutama di kawasan yang sesuai iaitu kawasan Padang Mat Sirat dan Ulu Melaka.

No: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008 (ISNIN)**
NO. PERTANYAAN	:	**63**

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

(a) bagaimanakah tahap penguasaan Bahasa Melayu di IPT, dan mengapakah subjek Bahasa Melayu tidak diajar dalam subjek utama sedangkan ia dijadikan subjek utama sekolah; dan

(b) adakah Kerajaan ingin mengembalikan Bahasa Kebangsaan ini sebagai bahasa pengantar utama universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Kementerian berpendapat bahawa tahap penguasaan Bahasa Malaysia oleh pelajar IPT tempatan adalah baik dan memuaskan. Pelajar-pelajar yang diterima masuk ke IPTA

disyaratkan memperolehi sekurang-kurangnya kepujian di dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pada masa ini, Kementerian berpandangan bahawa, pengajaran subjek Bahasa Malaysia sebagai subjek utama tiada perlu dilaksanakan memandangkan pelajar telah mempunyai asas yang kukuh dalam Bahasa Malaysia seperti tatabahasa, kefahaman dan penulisan semasa menduduki SPM dan STPM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak pernah mengubah dasar penggunaan bahasa pengantar di IPT tempatan dan selama ini Bahasa Malaysia masih dijadikan bahasa pengantar di semua IPTA. Namun demikian, IPTA digalakkan untuk menggunakan Bahasa Inggeris sebagai **bahasa pengajaran dan pembelajaran** di IPTA khususnya dalam bidang-bidang tertentu, yang sebahagian besar terminologi yang digunakan dalam bidang tersebut hanya terdapat dalam bahasa Inggeris.

Di samping itu, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 *[Akta 555]* juga mensyaratkan semua IPTS mengendalikan kursus pengajiannya dalam bahasa kebangsaan. Sekiranya IPTS berkenaan bercadang untuk mengendalikan suatu kursus pengajian dalam bahasa Inggeris atau bahasa Arab, mereka hendaklah memohon untuk mendapatkan **kelulusan**

pengecualian pematuhan subseksyen 41(1) Akta 555 daripada Menteri terlebih dahulu.

SOALAN NO.: 64

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN
[PADANG SERAI]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN :

Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

(a) Ciri-ciri pengurusan penebatan dan sistem kawalan banjir di seluruh negara; dan

(b) sejauh manakah keberkesanan Projek Terowong Smart.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi khidmat kepakaran dalam pengurusan tebatan banjir serta melaksanakan program tebatan banjir untuk melindungi nyawa dan harta benda. Di bawah Rancangan Tebatan Banjir (RTB) yang dilaksanakan oleh JPS, 2 bentuk langkah diambil, iaitu langkah struktur dan langkah bukan struktur. Kaedah struktur memberi tumpuan kepada kerja-kerja perancangan dan rekabentuk infrastruktur untuk tebatan banjir, manakala kaedah bukan struktur akan digunakan untuk mengkoordinasi program-program pengurusan banjir.

Antara langkah - langkah struktur termasuklah:-

i. Pembinaan empangan tebatan banjir;

ii. Pembinaan kolam takungan banjir;

iii. Pembinaan lencongan;

iv. Rumah Pam;

v. Melebarkan dan mendalamkan sungai; dan

vi. Pembinaan ban/benteng di tebing sungai

Sementara langkah-langkah bukan struktur ialah:-

i. Kajian-kajian (Kajian Lembangan Sungai dan Tebatan Banjir);

ii. Kajian pelan induk Saliran;

iii. Maklumat dan data yang diperlukan untuk kajian;

iv. Penyediaan Garispanduan dan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA);

v. Kempen kesedaran dan program pendidikan;

vi. Ramalan dan amaran banjir; dan

vii. Pengurusan kawasan tadahan air

Dalam perancangan pembangunan bandaraya, JPS telah memperkenalkan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA). MSMA merupakan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh PBT di dalam meluluskan pelan pembangunan supaya isu banjir dapat ditangani. Manual ini telah diedarkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), di samping memberi taklimat kepada mereka

(b) Berdasarkan kajian awal JPS, setakat bulan Mei 2008, SMART telah berjaya melencongkan air banjir Sungai Klang di Kampung Berembang sebanyak 33 kali sejak ia beroperasi pada 23 Jun 2007. Semasa kejadian hujan lebat, operasi sistem SMART telah berjaya mengelakkan berlakunya kejadian banjir akibat limpahan Sg Klang di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur .

Sekian, terima kasih.

No. 65

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pertanyaan	:	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	:	Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading]
Tarikh Menjawab	:	7 Julai 2008 (Isnin)
Soalan	:	[No. 65]

Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan apakah konsep dan langkah-langkah Kementerian untuk membantu penoreh-penoreh getah dan peladang-peladang kelapa sawit untuk memaksimumkan hasil tanaman mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membantu penoreh-penoreh getah memaksimumkan hasil tanaman mereka adalah seperti berikut:-

i. Memperluaskan saiz operasi kebun kepada keluasan yang lebih ekonomi melalui penyatuan pengurusan kebun-kebun kecil getah yang diuruskan oleh pekebun kecil sendiri melalui pembentukan koperasi;

ii. Bagi kawasan-kawasan getah tua, dicadangkan untuk ditanam semula dengan klon-klon berhasil tinggi seperti klon-klon lateks balak (*Latex Timber Clone - LTC*) yang dapat mengeluarkan hasil yang tinggi dan bekalan kayu getah untuk industri tempatan;

iii. Menggalakkan penggunaan teknologi dalam penjagaan dan penorehan pokok getah. Antaranya, penggunaan teknologi Sistem Torehan Berintensiti Rendah (LITS) dan penggunaan alat kalis hujan (*rain gutter*) bagi melindungi alur torehan daripada dibasahi hujan supaya dapat meningkatkan hasil; dan

iv. Menggunakan input pertanian terutamanya pembajaan dan penyelenggaraan kebun secara berjadual bagi meningkatkan hasil dan memastikan pokok-pokok subur.

Tuan Yang Di Pertua,

Konsep dan langkah-langkah KPPK untuk membantu pekebun kelapa sawit untuk memaksimumkan hasil tanaman mereka adalah seperti berikut :-

i. Pekebun kecil yang layak menyertai tanam semula/tanam baru sawit, KPPK menyediakan bantuan anak benih dan baja untuk dua tahun pertama bagi memastikan anak benih sawit hidup dengan subur pada peringkat awal pertumbuhan. Penggunaan anak benih yang bermutu serta pertumbuhan awal yang baik penting untuk penghasilan yang tinggi untuk jangka panjang;

ii. Menyediakan bantuan integrasi tanaman seperti nanas, jagung, pisang, dan kacang tanah sebagai sumber pendapatan sampingan sementara pokok sawit mengeluarkan hasil; dan

iii. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyediakan Pegawai Tunjuk Ajar dan Nasihat Sawit (TUNAS). Pegawai TUNAS memberi khidmat nasihat teknikal kepada semua pekebun kecil dalam semua aspek penanaman dan pengurusan sawit.

SOALAN : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN : DATO' SERI TENGKU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah cara-cara yang boleh mempercepatkan sistem pentadbiran Kerajaan dalam meluluskan dan melaksanakan projek terutamanya di kawasan luar bandar.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHAROM

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam usaha untuk mempercepatkan proses kelulusan dan pelaksanaan projek luar bandar, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedang menyiapkan inventori, *mapping* dan pelan tindakan kawasan-kawasan yang memerlukan kemudahan asas dengan penglibatan

agensi-agensi di peringkat negeri. Inventori ini dijadualkan siap selewat-lewatnya pada Disember 2008.

NO SOALAN: 67

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MAHFUZ BIN OMAR
[POKOK SENA]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN :

Tuan Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tindakan yang diambil dalam melaksanakan apa yang dilaporkan sebagai "agenda berani" beliau untuk memberi keutamaan kepada usaha mengurangkan kadar jenayah secara drastik dan meningkatkan usaha memerangi rasuah serta sejauh manakah keberkesanaan setakat ini terutama dalam usaha mengurangkan kadar jenayah secara drastik.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan amat komited untuk memerangi gejala rasuah serta kejadian jenayah, demi kepentingan negara dan rakyat Malaysia. Bagi memerangi gejala rasuah, Kerajaan telah melaksanakan strategi serampang dua mata, iaitu dengan melaksanakan langkah-langkah preventif dan punitif. Umpamanya, Kerajaan telah mempertingkatkan bilangan pegawai BPR, termasuk golongan pakar seperti juruaudit forensik; membangunkan Akademi Badan Pencegah Rasuah Malaysia (MACA); menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan melaksanakan Pelan Integriti Nasional (PIN). Baru-baru ini, YAB PM telah juga mengumumkan empat langkah spesifik untuk memperhebatkan agenda anti-rasuah negara dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap institusi anti-rasuah negara. Pertama, penambahbaikan dan penstrukturan semula Badan Pencegah Rasuah kepada sebuah Suruhanjaya; kedua, peningkatan kapasiti pegawai anti-rasuah; ketiga, pewujudan undang-undang komprehensif untuk melindungi saksi-saksi dan si pemberi maklumat; dan keempat, penambahbaikan sistem perolehan awam.

Bagi memerangi jenayah, pelbagai pendekatan sedang dilaksanakan. Ini termasuk usaha untuk menambah 60,000 anggota baru dalam tempoh lima tahun, termasuk 20,000 orang pegawai penyiasat; melengkapkan semua Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dengan Unit

Siasatan Tempat Jenayah (CSI); mengambil 3,000 pegawai dan anggota bersara secara kontrak; serta memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan yang berisiko tinggi. Di samping itu, 107 balai polis baru dan 55 Pondok Komuniti akan dibuka bagi membanteras jenayah dan merapatkan hubungan polis dengan masyarakat setempat dengan tumpuan di Johor, Pulau Pinang, Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebelum diperluaskan ke negeri-negeri lain secara berperingkat.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah tersebut telah mula menunjukkan kesan yang positif, khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di mana kadar jenayah mencatatkan penurunan 17.9 peratus dalam tiga bulan pertama tahun 2008. Kerajaan yakin bahawa dengan komitmen semua pihak, kejadian jenayah di negara ini akan dapat dikurangkan secara berkesan.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO.: 68

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :

(a) jumlah keluasan tanah rizab Melayu di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah diambil alih di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dari tahun 1963 hingga 2008; dan

(b) jumlah ganti rugi atau pampasan serta jumlah keluasan tanah yang digantikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keluasan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terlibat dalam pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 dari tahun 1963 sehingga 2008 ialah sebanyak 50.500 hektar (124.79 ekar); dan

(b) Jumlah pampasan yang telah dibayar kepada pemilik tanah yang terlibat dengan pengambilan ialah sebanyak RM344,103,240.10. Bagi Tanah Rizab Melayu (TRM) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pengambilan tanah tidak akan membatalkan status Rizab Melayu tersebut. Justeru, tidak timbul isu gantian bagi Tanah Rizab Melayu.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 69

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)**

TARIKH : **7.7.2008**

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian akan menunaikan janji pilihan raya BN bahawa Kerajaan akan memindahkan Sekolah Rendah La Salle di Brickfields ke Sri Petaling. Kalau ya, sila nyatakan lokasinya di Sri Petaling dan bilakah kerja pecah tanah akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Perpindahan Sekolah Rendah La Salle di Brickfields ke Sri Petaling telahpun mendapat kelulusan. Walau bagaimanapun, pihak Lembaga Pengelola Sekolah masih dalam proses mendapatkan tapak sekolah.

NO SOALAN : 70

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN LEE CHEE LEONG (KAMPAR)**
TARIKH	**:**	**7 JULAI 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah statistik kematian dan kecederaan peserta Program Latihan Khidmat Negara (angka pecahan lelaki dan perempuan) di semua Kem Khidmat Negara sejak program ini dimulakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sejak program ini dilaksanakan, seramai 11 orang pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah meninggal dunia sewaktu menjalani Latihan di Kem PLKN. Dari jumlah tersebut, seramai 7 orang pelatih meninggal dunia disebabkan masalah kesihatan dan 4 orang pelatih meninggal dunia disebabkan kemalangan. Daripada jumlah tersebut, 6 orang pelatih adalah pelatih lelaki, manakala bakinya 5 orang adalah perempuan. Jumlah tersebut tidak mengambil kira pelatih yang meninggal dunia selepas keluar daripada Kem PLKN.

Manakala jumlah kecederaan pelatih adalah seramai 123 orang pelatih lelaki dan 81 pelatih perempuan. Kebanyakan kecederaan adalah terseliuh kaki / tangan dan sebahagian kecil mengalami retak tulang semasa berada di dalam Kem di luar waktu latihan fizikal.

SOALAN NO:71

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN]

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN : DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM [SERIAN] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Langkah-langkah yang diambil agar harga baja dan racun rumput-rampai tidak dinaikkan sewenang-wenangnya.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Peningkatan harga input pertanian seperti baja dan racun adalah disebabkan oleh kenaikan harga petroleum yang mana kebanyakan baja adalah berasaskan petroleum. Peningkatan harga input pertanian telah menyebabkan kos pengeluaran meningkat. Dalam tempoh 2003 hingga

2007, kos bagi baja sebatian untuk pengeluaran sehektar telah meningkat naik sebanyak 85.5% iaitu daripada RM868/tm kepada RM1,610/tm.

Walau bagaimanapun, setakat ini kerajaan **tidak melaksanakan kawalan harga** ke atas input pertanian seperti baja, racun perosak dan benih kerana penentuan harga input pertanian bergantung kepada faktor-faktor luar seperti pengeluar, pengimport dan bahan mentah penyediaan input tersebut dan ianya bukan di bawah bidangkuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Namun begitu, pengeluar, pengimport dan pembekal masih lagi tertakluk kepada beberapa akta seperti Akta Kawalan Bekalan 1961, Akta Kawalan Harga 1980, Akta Perihal Dagangan 1972 dan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dibawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KDPN & HEP).

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kos input pertanian. Antara langkah-langkah yang diambil adalah :-

(i) Menggalakkan pengeluaran input pertanian dalam negara dengan penyediaan insentif pengecualian cukai atau elaun cukai untuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran benih dan bahan tanaman, baka ternakan, benih akuakultur, pemprosesan sisa buangan dan produk sampingan pertanian, tanaman untuk makanan ternakan serta ubat dan makanan ternakan;

(ii) Menggalakkan penggunaan baja organik disamping penggunaan baja kimia. Penggunaan baja organik dapat memperbaiki struktur dan

keupayaan tanah dalam tempoh jangka panjang. Di samping itu, pengusaha juga digalakkan untuk menghasilkan baja kompos daripada sisa tanaman seperti jerami padi dan tandan kelapa sawit;

(iii) Menggalakkan pengusaha mempraktikkan kaedah Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated pest Management*) bagi mengurangkan kos racun perosak. Kaedah IPM menumpukan kepada cara dan teknik kawalan semulajadi untuk merendahkan populasi perosak.

(iv) Mempergiatkan pengeluaran tanaman melalui pertanian *precise* menggunakan kaedah fertigasi di bawah pelindung hujan. Kaedah ini dapat menjimatkan baja dan racun perosak di samping memberi hasil pengeluaran yang tinggi;

(v) Mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang teknologi Pengurusan Baja iaitu dengan menggunakan baja secara tetap berdasarkan kepada peringkat pertumbuhan tanaman dan penggunaan baja yang murah iaitu menggunakan baja yang murah iaitu menggunakan baja asas seperti *Triple Super Phosphate, Muriate of Potash* dan urea; dan

(vi) Pelaksanaan Program Input Pertanian Bersepadu di antara NAFAS, Pertubuhan Peladang Negara dan Pertubuhan Peladang Kawasan bagi membekalkan input pertanian yang berkualiti pada harga yang kompetitif kepada ahlinya.

SOALAN NO: 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 7 JULAI 2008

RUJUKAN : 1105

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perbelanjaan keseluruhan (termasuk gaji untuk kakitangan, perbelanjaan penyelenggaraan) Kem Tahanan Kamunting untuk tahun 2003 hingga tahun 2007.

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Gopeng yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, catatan rekod perbelanjaan tahunan Jabatan Penjara menunjukkan sejumlah kera-kira RM 27.78 juta telah dibelanjakan untuk pembayaran gaji keseluruhan kakitangan Pusat Tahanan Kamunting bagi tempoh 5 tahun iaitu mulai tahun 2003 hingga 2007. Dalam tempoh itu juga, sebanyak RM 37.18 juta telah dibelanjakan untuk tujuan penyelenggaraan, pembangunan, keselamatan, pemulihan, latihan dan pengurusan Pusat Tahan berkenaan.

NW: 73

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN : LISAN

Daripada : Y.B. TUAN SIM TONG HIM
[Kota Melaka]

Tarikh : 7 Julai 2008

Soalan : 73

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan alat-alat peramalan bencana alam seperti gempa bumi dan tsunami dan bilangannya serta lokasinya dan adakah fungsi alat-alat ini berkesan.

JAWAPAN:

Terima kasih Tuan Yang Dipertua dan terima kasih kepada Kota Melaka yang prihatin dengan kejadian bencana alam di Negara kita.

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman semua suka saya maklumkan bahawa, Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia terdiri daripada tiga komponen utama, iaitu :-

i. alat-alat pengesan gempa bumi dan tsunami;

ii. sistem pemprosesan data dan maklumat serta ramalan kejadian tsunami; dan

iii. sistem penyebaran maklumat dan amaran gempa bumi dan tsunami.

Tuan Yang DiPertua,

Alat-alat pengesan gempa bumi dan tsunami adalah terdiri daripada 14 buah stesen seismik, 3 unit rangkaian pelampung tsunami, 6 buah stesen pasang surut, dan 4 buah stesen *coastal camera*. Berhubung dengan lokasi penempatan pelampung tsunami, pelampung pertama telah ditempatkan di perairan Pulau Rondo, Acheh, kedua di perairan Pulau Layang-layang sementara yang ketiga akan ditempatkan di perairan Laut Sulu, Filipina.

Tuan Yang DiPertua,

Suka saya maklumkan bahawa pemilihan lokasi bagi penempatan pelampung tsunami adalah berdasarkan kawasan yang berisiko, kesesuaian teknikal dan strategi tempoh masa pengesanan bagi membolehkan amaran awal dan tindakan pengungsian (*evacuation*) sekiranya perlu, dapat diambil oleh kerajaan. Bagi pemasangan pelampung tsunami di Laut Sulu yang terletak di perairan Filipina, Kerajaan Malaysia dan Filipina telah bersetuju supaya satu Memorandum Persefahaman (MoU) ditandatangani yang kini pada peringkat semakan terakhir Kerajaan Filipina.

Tuan Yang DiPertua,

Saya juga ingin memaklumkan bahawa, Kementerian saya juga sedang dalam proses untuk meningkatkan lagi kecekapan Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia ini dengan menambah bilangan alat-alat pengesan kejadian gempa bumi dan tsunami di tempat-tempat yang strategik, menaik taraf sistem pemprosesan dan meningkatkan kepakaran pegawai. Penambahan alat pengesan ini termasuklah pemasangan tambahan 3 stesen seismik, 15 stesen pasang surut, 14 stesen kamera pantai, dan 10 buah siren. Projek penaiktarafan ini dijadualkan siap pada Disember 2009.

Tuan Yang DiPertua,

Berhubung pertanyaan tentang keberkesanan alat-alat ini, suka saya maklumkan bahawa, 98% daripada maklumat kejadian gempa bumi dan tsunami yang dikesan melalui Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional dapat disampaikan kepada agensi-agensi pengurusan bencana negara, media, pegawai-pegawai kanan Kementerian dan saya dalam tempoh 15 minit dari masa kejadian dikesan melalui pelbagai saluran komunikasi seperti sistem pesanan ringkas (SMS), hotline, telefon, faks dan laman web Jabatan. Bagi kejadian gempa bumi yang kuat dan kemungkinan kejadian tsunami, maklumat berkenaan akan disalurkan kepada awam melalui media elektronik iaitu *Breaking New* dan Crawlers di stesen-stesen televisyen tempatan dalam tempoh 30 minit daripada pengesanan kejadian tersebut. Di samping itu, maklumat berkenaan juga akan dihebahkan kepada orang awam melalui sistem amaran talian tetap dan sistem siren yang dipasang di kawasan-kawasan pantai yang berisiko.

Soalan No. 74

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
PARLIMEN KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2006

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

TARIKH : **7 JULAI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bagaimanakah Kementerian menyelesaikan masalah bekalan air bersih kepada penduduk luar bandar yang tidak dapat menikmati bekalan air bersih terutama di Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian ini sedar bahawa masih terdapat ramai penduduk luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak yang belum mendapat bekalan air bersih.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM1.114 billion** bagi Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan Negeri Sabah diperuntukkan sebanyak **RM387.92 juta atau 34.81%.**

Peruntukan tersebut adalah bagi pelaksanaan Program BALB secara sistem retikulasi bagi kawasan yang boleh disambungkan dengan paip utama Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN), sistem alternatif bagi kawasan pedalaman dan terpencil seperti penyediaan telaga tiub, *graviti feed* dan *rain harvesting* serta menaik taraf/bina baru loji bagi kawasan yang kritikal.

Sungguhpun begitu, pelaksanaan projek tersebut adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan kemampuan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan.

NO. SOALAN: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU [TELOK INTAN]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN:

Tuan Manogaran a/l Marimuthu [Telok Intan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butir-butir yang terperinci penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengikut jantina, kaum, negeri, jurusan dan negara di mana tawaran diberi untuk tahun 2008.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Pada tahun 2008, bilangan pelajar yang menerima biasiswa adalah seramai 2,000 pelajar yang terdiri daripada 1,100 pelajar bumiputera dan 900 pelajar bukan bumiputera. Butiran terperinci penerima biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) mengikut kaum dan bidang pengajian adalah seperti berikut:

NO. SOALAN:

BIL.	KURSUS	BUMIPUTERA			BUKAN BUMIPUTERA		
		Lelaki	Perem-puan	JUMLAH	Lelaki	Perem-puan	JUMLAH
1.	Perubatan, Pergigian dan Farmasi	235	357	592	99	185	284
2.	Sains & Teknologi	253	159	412	270	221	491
3.	Sastera	34	62	96	45	80	125
JUMLAH		**522**	**578**	**1,100**	**414**	**486**	**900**

Bagi penempatan negara pengajian pula, ia akan ditetapkan setelah pelajar selesai mengikuti pengajian di peringkat persediaan dalam negara.

SOALAN NO:76

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD (Kota Raja)

TARIKH : 7 Julai 2008 (Isnin)

SOALAN: DR SITI MARIAH BINTI MAHMUD minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

a) jumlah pendatang asing yang di bawa masuk untuk bekerja di dalam sektor industri perikanan sebagai awak-awak /krew bot; dan

b) peratus pekerja asing dalam sektor ini mengikut negara asal mereka.

Jawapan : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

a) Mengikut statistik Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani jumlah pendatang asing yang dibawa masuk untuk bekerja di

dalam sektor industri perikanan dari tahun 2003-2007 sebagai awak-awak/krew bot ialah 138,875 orang.

b) Subsektor perikanan tangkapan marin masih lagi bergantung kepada penggunaan tenaga kerja kru bukan warganegara. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan daripada 28,154 orang kru bukan warganegara yang didaftarkan pada tahun 2004 kepada 25,888 orang pada tahun 2005, iaitu penurunan sebanyak 8.05%.

Soalan No : 77

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. Dr. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT)**

TARIKH : **7.7.2008**

SOALAN:

Y.B. Dr. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

(a) wujudkah cadangan untuk membina sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) baru di Sg. Siput dalam tempoh RMK-9; dan

(b) adakah peruntukan untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan (*repair*) bagi SRJK (T) Gandhi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru, KPM memberi keutamaan kepada tiga (3) aspek berikut;

   i. Memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian;

   ii. Memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan

iii. Membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan tiada rancangan untuk membina SJKT baru di kawasan Sg. Siput kerana sekolah-sekolah sedia ada yang berhampiran adalah mencukupi bagi menampung murid-murid di sekitar kawasan Sungai Siput.

b) Kerajaan amat prihatin kepada keperluan prasarana pendidikan di sekolah-sekolah bantuan termasuklah SJKT. Sehubungan itu, dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), KPM telah memperuntukkan sebanyak RM64.84 juta untuk SJKT bagi kerja-kerja pembinaan baru, gantian dan tambahan serta ubahsuai dan naik taraf. Di samping peruntukan RM100 juta untuk semua sekolah bantuan kerajaan termasuk SJKT.

Di samping itu juga, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk projek ubah suai naik taraf sekolah bantuan SJKT di seluruh negara. Peruntukan ini disalurkan melalui Kementerian Kewangan sebanyak RM30 juta dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebanyak RM10 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun dalam RMKe-9, tiada peruntukan yang diluluskan untuk kerja-kerja pembaikan di SJKT Gandhi, namun KPM dari semasa ke semasa sentiasa memberi perhatian berkaitan pembangunan semua sekolah yang memerlukan termasuklah SJKT Gandhi.

NO SOALAN : 78

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN KARPAL SINGH (BUKIT GELUGOR)**
TARIKH	**:**	**7 JULAI 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan jumlah pelantikan rekrut bukan Melayu dalam tentera sepanjang tempoh sepuluh tahun lepas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah kemasukan rekrut bukan Melayu dalam tentera sepanjang tempoh sepuluh tahun seperti berikut:

BANGSA	TAHUN										
	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	JUMLAH
Melayu	1229	2582	4603	5769	8816	7084	7570	4806	6147	5021	54627
Cina	8	2	22	18	29	14	23	10	23	7	156
India	9	34	43	50	120	119	69	48	51	33	576
Lain	515	757	1223	1352	1705	901	1144	528	839	749	9713
JUMLAH	1761	4375	5891	7189	10670	8118	8806	5392	7060	5810	65072

SOALAN NO. 79

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU PANJANG)

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. Puan Siti Zailah Binti Mohd Yusoff (Rantau Panjang) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-

a) statistik jenayah terhadap kanak-kanak (1 hingga 12 tahun) bagi tahun 2007 dan 2008 serta sejauh manakah Akta Kanak-kanak 2001 dapat mencegah jenayah berlaku; dan

b) nyatakan kajian terperinci serta langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

a) Statistik daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengenai jenayah terhadap kanak-kanak yang berumur 1 hingga 12 tahun bagi tahun 2007 dan 2008 adalah seperti berikut:

(i) Bilangan Kes Jenayah Rogol Terhadap Kanak-kanak

UMUR	2007	2008 (JAN – APRIL)
1 – 12 tahun	**244**	**58**

Sumber: Polis DiRaja Malaysia

(ii) Bilangan kes Buang Bayi

TAHUN	2007	2008 (JAN – APRIL)
JUMLAH	**76**	**13**

Sumber: Polis DiRaja Malaysia

(iii) Bilangan Kes Penderaan Kanak-kanak, Tahun 2007

Umur	Jumlah
1 – 12 tahun	**987**

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

Akta Kanak-kanak 2001 merupakan satu Akta yang memfokuskan kepada aspek pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Peruntukan dalam Akta ini adalah mencukupi bagi melindungi kanak-kanak termasuk dari aspek pencegahan berlakunya jenayah terhadap kanak-kanak. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan Akta Kanak-kanak 2001 oleh pihak Kerajaan semata-semata tidak dapat mencegah jenayah terhadap kanak-kanak daripada terus berlaku. Sebaliknya, ia perlu melibatkan kerjasama dari semua pihak seperti ibu bapa, komuniti serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk membanteras jenayah terhadap kanak-kanak.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian menjalankan analisis ke atas data berkaitan jenayah terhadap kanak-kanak yang diperolehi daripada PDRM dan JKM dari semasa ke semasa. Analisis data tersebut dijadikan input bagi menggubal dasar dan pelan tindakan bagi membendung keganasan/jenayah terhadap kanak-kanak. Antaranya, KPWKM telah merangka draf Dasar Perlindungan Kanak-kanak serta Pelan Tindakannya bagi

menyelaras program dan aktiviti demi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak. Dasar dan Pelan Tindakan ini akan dijadikan panduan oleh semua agensi Kerajaan dan pihak-pihak tertentu termasuk NGO untuk menangani isu penderaan dan jenayah terhadap kanak-kanak.

Soalan : 80

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: Lisan

DARIPADA : Y.B. Dato' Ibrahim Bin Ali
[Pasir Mas]

TARIKH : 7 Julai 2008

SOALAN : Y.B. Dato' Ibrahim Bin Ali [Pasir Mas] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah Kementerian akan mengarahkan KADA dan KESEDAR memainkan peranan menjadi pemangkin bagi mewujudkan projek-projek industri kecil dan sederhana terutama dalam bidang 'agrotani' memandangkan Kelantan mempunyai cukup bahán-bahan mentah seperti buah duku, langsat, rambutan, belimbing dan bermacam-macam-macam buah-buahan tempatan yang boleh dibuat jem, minuman dan sebagainya.

JAWAPAN: Tuan Yang Dipertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) yang ditubuhkan pada tahun 1972 adalah bertanggungjawab untuk memaju dan

menggalakkan pembangunan ekonomi berasaskan aktiviti pertanian terutamanya pengeluaran padi dan beras di dalam kawasan pengendaliannya.

Selaras dengan fungsi yang ditetapkan, Kementerian ini sentiasa memastikan KADA memainkan peranan bagi membangunkan industri hiliran berasaskan pertanian mengikut bekalan bahan mentah yang bersesuaian terhadap industri yang ingin dibangunkan.

Di antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh KADA bagi mewujudkan projek-projek pemprosesan berasaskan pertanian di tahap kecil dan sederhana adalah seperti berikut:

a. Bimbingan dan latihan terutamanya yang melibatkan pendedahan kepada maklumat dan teknologi yang sesuai dalam mengeluarkan produk mereka
b. Penyediaan bengkel pemprosesan produk makanan yang memenuhi aspek kebersihan
c. Penyediaan mesin dan peralatan asas yang bersesuaian dengan keperluan aktiviti pemprosesan yang dijalankan
d. Promosi produk-produk yang dikeluarkan oleh usahawan berdasarkan keperluan bagi pasaran setempat dan nasional

Kementerian ini memang menyedari negeri Kelantan mempunyai keluasan tanah yang dianggap boleh mengeluarkan bahan mentah

terutamanya buah-buahan tempatan segar yang bermusim bagi tujuan digunakan untuk pemprosesan.

Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa tidak semua buah-buahan tempatan sesuai bagi tujuan pemprosesan bagi menghasilkan produk-produk yang berdaya maju. Taburan kawasan penanaman buah-buahan yang meluas di seluruh negeri Kelantan menimbulkan kesukaran dalam aktiviti pengumpulan, jangka hayat bahan mentah selain pengeluaran hasil yang bermusim menyebabkan bekalan bahan mentah yang tidak konsisten.

Soalan No : 81

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK)**

TARIKH : **7.7.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK) minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan Perlembagaan Persekutuan menentukan kedudukan yang sama bagi sekolah vernakular Cina, India dan Sekolah Agama Rakyat, di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang mana Kerajaan memberhentikan bantuan kepada SAR tetapi menambahkan bantuan kepada SJK Cina dan Tamil.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pemberian bantuan kepada sekolah Cina dan Tamil dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah diperuntukkan dalam Akta Pendidikan 1961 dan Akta Pendidikan (Pindaan) 1996. Sekolah Cina dan Tamil menerima bantuan atas kapasiti sebagai sekolah bantuan modal dan berada dalam sistem pendidikan kebangsaan manakala SAR yang berada di luar sistem pendidikan kebangsaan pula menerima bantuan atas **budi bicara Menteri Pelajaran sahaja** (Seksyen 52).

SOALAN NO. (82)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING)

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN :

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE (MAS GADING) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebab-sebab sesetengah PBT menghadapi masalah kekurangan sumber kewangan walaupun banyak pembangunan sudah berlaku di kawasan di bawah jagaan PBT tersebut dan langkah diambil Kerajaan Pusat untuk menolong mengurangkan masalah ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Sebab utama sesetengah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara ini khususnya yang bertaraf Majlis Daerah menghadapi masalah kewangan adalah disebabkan oleh hasil cukai yang terhad. Keadaan ini berlaku kerana Majlis Daerah yang kebanyakannya terletak di luar bandar tidak mempunyai banyak pegangan bernilai tinggi yang boleh dikenakan cukai pintu berbanding di kawasan bandar. Selain itu, kadar cukai pintu yang tidak dikaji semula berbanding nilai semasa atas sebab-sebab tertentu juga menyebabkan hasil cukai pintu PBT terhad.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedar akan masalah kewangan yang dihadapi oleh PBT dan tindakan sentiasa diambil dengan menyalurkan peruntukan kepada PBT yang memerlukannya setiap tahun. Peruntukan tersebut meliputi peruntukan untuk projek-projek pembangunan,

geran tahunan untuk perbelanjaan mengurus dan sumbangan membantu kadar untuk bangunan-bangunan yang diduduki oleh Kerajaan Persekutuan termasuk harta angkatan tentera. Peruntukan yang disalurkan ini membolehkan PBT menampung belanja mengurus dan pada masa yang sama melaksanakan projek-projek pembangunan untuk faedah rakyat.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Julai 2008

NO SOALAN : 83

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapakah jumlah anggota tentera yang berkhidmat di dalam negara ini dan pecahan mereka dalam tentera udara, tentera darat dan tentera laut. Sila berikan pecahan mereka mengikut pangkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah anggota tentera yang sedang berkhidmat ialah seramai 9,308 orang Pegawai dan 92,371 orang Lain-Lain Pangkat (LLP). Pecahan pangkat mengikut perkhidmatan adalah:

PEGAWAI

PANGKAT	TD	TLDM	TUDM	JUMLAH
JEN SETARAF	2	1	1	4
LT JEN SETARAF	3	3	3	9
MEJ JEN SETARAF	9	3	3	15
BRIG JEN SETARAF	37	16	17	70
KOL SETARAF	111	62	50	223
LT KOL SETARAF	448	188	153	789
MEJ SETARAF	1844	356	735	2935
KAPT SETARAF	2212	768	733	3713
LT SETARAF	258	213	194	665
LT MUDA SETARAF	690	133	62	885
JUMLAH	5614	1743	1951	9308

LAIN-LAIN PANGKAT (LLP)

PANGKAT	TD	TLDM	TUDM	JUMLAH
PW I	239	315	313	867
PW II	1326	456	598	2380
SSJN SETARAF	2335	1250	1201	4786
SJN SETARAF	6368	1959	1798	10125
KPL SETARAF	12550	2586	1688	16824
LKPL SETARAF	12257	5667	1750	19674
PBT SETARAF	29484	4081	4150	37715
JUMLAH	64559	16314	11498	92371

NO: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008 (ISNIN)**
NO. PERTANYAAN	:	**84**

Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bilakah projek Hospital Kanak-kanak Persatuan Perubatan Universiti Malaya yang telah diluluskan pada tahun 2000 akan siap.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) telah diperuntukkan belanja pembangunan sebanyak RM400 juta. Peruntukan ini bertujuan untuk memastikan prasarana perubatan yang disediakan untuk kemudahan rakyat mencapai tahap yang berkualiti.

PPUM akan membina bangunan baru pediatrik khusus untuk menempatkan wad kanak-kanak. Bangunan tersebut dijangka akan mula dibina pada Julai 2008 dengan siling peruntukan sebanyak RM86.9 juta dan dijangka siap pembinaannya pada penghujung

tahun 2010. Kemudahan yang disediakan adalah *'children friendly'* dengan mewujudkan laluan khas untuk kanak-kanak dan kerusi khas untuk kegunaan pesakit kanak-kanak bagi keselesaan pesakit kanak-kanak dan keluarga mereka yang berkunjung ke PPUM.

SOALAN NO:85

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : **DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE (Setiu)**

TARIKH : 7 Julai 2008 (Isnin)

SOALAN: DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

a) negeri-negeri manakah yang telah dibangunkan dengan tukun tiruan bagi membiakkan ikan laut dan sotong; dan

b) berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan sejak tahun 2000 sehingga kini mengikut jenis-jenis tukun yang telah dibangunkan bagi tujuan ini.

Jawapan : Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani

Tuan Yang Dipertua,

(a) Sehingga kini, hampir kesemua negeri di Malaysia telah melaksanakan program tukun tiruan iaitu di negeri Perlis, Kedah,

Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan dan Sarawak. Pelaksanaan tukun tiruan di negeri-negeri tersebut dijalankan melalui Jabatan Perikanan Malaysia.

(b) Kerajaan persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM 2.5 juta pada RMK 8 untuk pembangunan tukun tiruan manakala pada RMK 9, peruntukkan adalah sebanyak RM 9.4 juta. Usaha pembangunan tukun tiruan dimulakan dengan penggunaan tayar terpakai diikuti dengan pengenalan tukun tiruan konkrit, tukun PVC, tukun bot, tukun rekreasi, tukun udang karang, tukun sotong, tukun penghalang pukat tunda dan tukun dasar lembut. Sehingga tahun 2007, sebanyak 341 tapak tukun tiruan telah dilaksanakan di Malaysia. Jabatan Perikanan telah memperkenalkan dua jenis tukun untuk RMK 9 iaitu Tukun Tiruan Dasar Lembut dan Tukun Tiruan Penghalang Pukat Tunda.

Peruntukan untuk melaksanakan satu tapak tukun tiruan adalah sebanyak RM 200,000. Untuk tahun 2006 sahaja, sebanyak tiga tapak tukun tiruan dasar lembut telah dilaksanakan iaitu di Kedah (2 tapak), iaitu di perairan pulau payar, Pulau Kaca Teluk Singapura, Selangor (1 tapak) di Kuala Langat manakala tukun penghalang pukat tunda (tetrapod) telah dilaksanakan di Pahang (1 tapak) iaitu di perairan Cherating dan Terengganu (1 tapak) iaitu di Kerteh. Pada tahun 2007, sebanyak tukun dasar lembut telah dilaksanakan di empat tapak iaitu di Kedah (1 tapak-Kuala Triang) dan Selangor (3 tapak, Kuala Langat, Kuala Selangor dan Sabak Bernam) manakala tukun penghalang pukat tunda sebanyak 3

tapak iaitu di Johor (1 tapak iaitu di Mersing), Terengganu (1 tapak iaitu di perairan Kerteh) dan Kelantan (1 tapak).

Untuk tahun 2008, tukun dasar lembut akan dilaksanakan di Selangor, Perak, Melaka dan Negeri Sembilan manakala tukun penghalang pukat tunda akan dilaksanakan di Kelantan, Labuan, Pahang (2 tapak), Perlis dan Johor dengan melibatkan peruntukan berjumlah RM 3.0 juta. Di samping pembangunan tukun tiruan, terdapat juga vesel-vesel rampasan yang telah ditenggelamkan untuk dijadikan tukun iaitu di Perak, Selangor, Johor, Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Labuan, P. Pinang dan Perlis.

Selain daripada melaksanakan tukun tiruan, pihak Jabatan juga bertanggungjawab untuk melakukan pemantauan ke atas tapak-tapak tukun yang telah dilaksanakan sebelum ini. Jabatan juga turut memperuntukkan peruntukan yang diberikan untuk melakukan kajian tapak terlebih dahulu sebelum meletakkan tukun di sesuatu tapak. Ini adalah bagi memastikan tukun yang dilaksanakan akan mendapat hasil yang optimum sesuai dengan tujuan dan fungsi tukun tersebut.

SOALAN NO: 86

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ [SEREMBAN]

TARIKH : 7 JULAI 2008

RUJUKAN : 1106

SOALAN :

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca kematian tahanan Kee Lian Kok yang ditemui mati pada 19 Mei 2008 di Penjara Sungai Buloh.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Seremban yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kee Lian Kok mula ditahan reman di Penjara Sungai Buloh pada 11 Julai 2000 di atas dakwaan membunuh di bawah Seksyen 302, Kanun Keseksaan.

Pada 19 Mei 2008 jam kira-kira 7.05 pagi, Kee Lian Kok telah ditemui tergantung di biliknya di jerjak besi lubang angin dengan menggunakan selimut yang telah dibekalkan kepada beliau. Tahanan telah dibawa ke Hospital Sungai Buloh dan telah disahkan meninggal dunia oleh doktor pada jam 8.56 pagi.

Hasil siasatan oleh Jabatan Penjara mendapati tiada bentuk kecederaan lain selain di leher dan ini adalah merupakan punca kematian yang dilaporkan oleh hospital. Tahanan berkenaan ditempatkan di dalam sel secara perseorangan, oleh itu kematian tersebut tidak mempunyai kaitan dengan unsur paksaan, jenayah atau kekerasan oleh individu lain kecuali tindakan tahanan berkenaan sendiri menggantung dirinya.

Laporan perubatan menunjukkan kematian tahanan tersebut adalah disebabkan oleh tekanan pada leher akibat gantung diri *(compression of the neck due to hanging).*

Juga, berdasarkan nota terakhir yang ditinggalkan oleh tahanan beliau bertindak menggantung diri sendiri kerana diselubungi perasaan kesal berkaitan dengan kes pembunuhan yang dihadapinya.

SOALAN NO. : 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [TITIWANGSA]**
TARIKH	:	**7 JULAI 2008**
SOALAN	:	

Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

(a) bilangan sekolah jururawat tajaan Kerajaan dan swasta di seluruh Malaysia ; dan

(b) bilangan jururawat dikeluarkan setiap tahun sejak tahun 2004 hingga 2008 mengikut negeri dan komposisi kaum dan usaha Kerajaan menangani isu jururawat terlatih yang berhijrah ke negara-negara Arab, Brunei dan sebagainya sehingga menyebabkan kekurangan jururawat yang ketara.

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Bilangan sekolah jururawat tajaan Kerajaan dan swasta di negara ini adalah sebagaimana berikut :

i. 28 buah kolej kejururawatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia termasuk 17 buah Kolej Kejururawatan dan 11 buah Kolej Jururawat Masyarakat ;

ii. sebuah kolej kejurawatan tajaan Kementerian Pertahanan;

iii. 46 buah kolej kejurawatan milik swasta.

b) Bilangan jururawat yang dikeluarkan sejak tahun 2004 sehingga tahun 2008 mengikut komposisi kaum adalah sebagaimana berikut :

TAHUN / KAUM	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
2004	2,483	236	170	146	**3,035**
2005	3,084	232	223	409	**3,948**
2006	2,849	227	160	306	**3,266**
2007	2,998	249	250	484	**3,981**

Pada masa ini, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menangani isu jururawat terlatih yang berhijrah ke negara-negara lain supaya terus kekal berkhidmat di negara ini. Antara langkah-langkah tersebut adalah :

i. meluluskan Skim Ijazah Kejururawatan ;

ii. pemberian elaun hidup susah *(hard ship allowance)* untuk jururawat yang bertugas di kawasan pedalaman ;

iii. pemberian elaun pos-basik ;

iv. pengwujudan skim profesional untuk skim Jururawat ; dan

v. kenaikan pangkat jururawat yang mempunyai ijazah ke Gred U41.

SOALAN NO. 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN**
KAWASAN	:	**ALOR GAJAH**
TARIKH	:	**07.07.2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Y.B. DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menghapuskan keperluan AP untuk mengimport kereta memandangkan AP adalah tidak konsisten dengan syarat Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) membenarkan negara-negara anggotanya mengenakan kawalan perdagangan berdasarkan keperluan dan kepentingan tertentu seperti untuk tujuan pemantauan import/eksport, keselamatan negara, penjagaan alam sekitar dan keselamatan pengguna.

Walau bagaimanapun, setiap negara anggota perlu memaklumkan (notify) dan mengemas kini maklumat mengenai sebarang sekatan import seperti lesen import (AP) kepada WTO pada setiap tahun. Selaras dengan itu, Malaysia telah memaklumkan kepada WTO mengenai produk-produk yang dikenakan AP.

Di bawah Dasar Automotif Nasional, sistem AP sedia ada masih digunakan untuk memantau dan mengumpul data mengenai pengimportan kenderaan.

****

Soalan No : 89

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING)**

TARIKH : **7.7.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN NGA KOR MING (TAIPING) minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab mengapa terdapat surat pekeliling melarang murid Sekolah Kebangsaan (SK) bertukar sekolah ke Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) dan sama ada dasar kuno ini patut dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengutamakan kebajikan dan kepentingan pembelajaran murid. KPM juga tidak pernah menghalang Ibubapa atau penjaga dalam urusan pertukaran sekolah anak/jagaan mereka. Namun, sebarang kelulusan pertukaran sekolah khususnya yang melibatkan perubahan aliran perlulah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian. Sehubungan itu, Pekeliling Ikhtisas Bil.8/1989 berkaitan dengan Pertukaran Aliran Bahasa Pengantar Murid-murid Sekolah Rendah menjelaskan bahawa Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri boleh memberikan kelulusan kepada permohonan seperti berikut;

i. Permohonan daripada murid-murid **Tahun Satu** mana-mana aliran bahasa pengantar;

ii. Permohonan daripada murid-murid **Tahap Satu (Tahun 1,2 dan 3)** yang berpindah mengikut ibubapa mereka ke satu kawasan/daerah lain yang tidak mempunyai sekolah aliran bahasa pengantar yang sama dengan sekolah asal mereka;

iii. Permohonan daripada murid-murid Melayu di SJKC dan SJKT yang menghadapi kesulitan mengikuti pelajaran di sekolah-sekolah tersebut.

Walau bagaimanapun, jika terdapat permohonan yang tidak menepati mana-mana peruntukan di atas, permohonan tersebut hendaklah dikemukakan ke KPM untuk pertimbangan sewajarnya.

Rjm 65

SOALAN : 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

TARIKH : 7 JULAI 2008

SOALAN : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tempoh yang ditetapkan untuk memansuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPPK) memandangkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) telah pun dimansuhkan..

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHAROM

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak menetapkan tempoh untuk memansuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK). Ini adalah kerana peranan JPPK masih perlu untuk mensejahterakan rakyat negeri Kelantan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan Persekutuan seperti projek-projek

infrastruktur dan program-program kemasyarakatan yang amat diperlukan rakyat negeri berkenaan.

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATO' HJ. ABDUL HALIM ABDUL RAHMAN (PENGKALAN CHEPA)**

TARIKH : **7 JULAI 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan apakah peranan sebenar FELCRA dan RISDA. Bolehkah kedua-dua agensi ini digabungkan memandangkan kedua-duanya mempunyai peranan hampir sama. Berapakah keluasan yang dimajukan oleh kedua-dua agensi ini diseluruh negara dan berapakah peruntukan kedua-dua agensi ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

RISDA adalah sebuah badan berkanun kerajaan dan berperanan memajukan sektor pekebun kecil getah melalui program tanaman semula, aktiviti pengembangan, pemindahan teknologi dan aktiviti sosial yang lain. Pada tahun 2008, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM 240 juta untuk pembangunan pekebun kecil dan sebanyak RM 199 juta adalah untuk program tanam semula. Sejak RISDA ditubuhkan pada tahun 1973, seluas 1,058,379 hektar telah ditanam semula.

Manakala FELCRA Berhad adalah beroperasi sebagai sebuah Syarikat Milik Penuh Kerajaan dan berperanan untuk memaju, menyatu dan memulihkan tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Peranan yang dilaksanakan oleh FELCRA amat

jelas dalam pemulihan tanah terbiar yang dibenarkan untuk membangunkan ladang sawit, getah, padi dan tanaman lain yang difikirkan sesuai. Bagi tahun 2008 Kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM 40 juta untuk projek Pemulihan dan Penyatuan Tanah (P&P). Sejak ditubuhkan pada tahun 1966, FELCRA Berhad telah berjaya memajukan tanah seluas 226,162.49 hektar.

Kementerian berpandangan kedua-dua agensi RISDA dan FELCRA adalah tidak wajar untuk digabungkan kerana mereka mempunyai peranan yang berbeza.

NO SOALAN: 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 7 JULAI 2008 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cadangan-cadangan untuk pembaharuan Pilihan raya yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya setelah Pilihan Raya Umum Mac 2008 dan keputusan setiap cadangan yang berkenaan.

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi menerima sebarang cadangan untuk pembaharuan Pilihan Raya yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Sekiranya cadangan diterima dari SPR, Kerajaan akan meneliti dan membuat keputusan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 93

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA: YB. DATUK HALIMAH BINTI MOHD. SADIQUE [TENGGARA]

TARIKH: 7 JULAI 2008

SOALAN:

93. PR-1212-L14389
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perkembangan industri peruncitan secara gergasi seperti 'Hypermarket' memberi implikasi yang buruk kepada pertumbuhan peruncit kecil tempatan di negara kita. Apakah langkah-langkah kawalan dan bantuan oleh Kerajaan kepada peniaga peruncit tempatan untuk memastikan mereka dapat terus hidup dalam bidang tersebut.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.

NO SOALAN : 94

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB DATIN SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL (PERMATANG PAUH)**
TARIKH	**:**	**7 JULAI 2008 (ISNIN)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan butiran mengenai nama syarikat-syarikat yang telah mengemukakan sebutharga, jenis pesawat dan pakej yang ditawarkan berhubung dengan tender terbuka antarabangsa perolehan helikopter baru tentera bagi menggantikan Sikorsky S61A-4 (Nuri).

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak tujuh (7) Penender telah mengambil bahagian dalam Tender Antarabangsa bagi program penggantian Nuri.

Namun begitu, oleh kerana Kerajaan belum lagi memuktamadkan perolehan helikopter tersebut, maka maklumat yang dikehendaki tidak dapat dimukakan kerana ianya diklasifikasikan sebagai sulit sama ada untuk Kerajaan mahupun di pihak syarikat *(commercial inconfidence)*.

SOALAN NO: 95

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN DING KUONG HING [SARIKEI]

TARIKH : 7 JULAI 2008

RUJUKAN : 1207

SOALAN:

Tuan Ding Kuong Hing [Sarikei] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pemalsuan sijil kelahiran kanak-kanak bagi anak angkat dilaporkan di negeri Sarawak sejak tahun 2000 hingga tahun ini. Apakah prosedur yang perlu dilakukan di Jabatan Pendaftaran Negara cawangan Sarawak untuk menyelesaikan kes pemalsuan sijil kelahiran bagi anak angkat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua ,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli yang Berhormat Sarikei yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2000 hingga sekarang sebanyak 3 kes pemalsuan sijil kelahiran anak angkat yang dikesan di Sarawak. Bagi menyelesaikan kes sedemikian ibu bapa angkat kanak-kanak tersebut dinasihatkan memohon Pendaftaran Lewat Kelahiran untuk menentukan kanak-kanak tersebut sah dilahirkan di negara ini. Semasa mengemukakan permohonan, butir-butir kelahiran kanak-kanak atau ibu bapa kandung hendaklah disertakan.

NO. SOALAN: 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BAGI JAWAPAN LISAN

DARIPADA: YB. DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]

TARIKH: 7 JULAI 2008

SOALAN:

PR- 1212-L14018
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan telah disediakan oleh Kerajaan Persekutuan untuk sektor pelancongan di negeri Perak di bawah Rancangan Malaysia ke-9 dan apakah projek-projek yang akan dilaksanakan dengan peruntukan tersebut. Bilakah peruntukan-peruntukan ini akan disalurkan.

JAWAPAN BELUM DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN YANG BERKENAAN.